

Jilid I  
Bil. 11



Hari Selasa  
21hb Oktober, 1986

MALAYSIA

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KETUJUH  
*Seventh Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 1405]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN**  
**MESYUARAT 18:**

**Penahanan Doktor dan Pembantunya di Penjara Pudu—Banduan (Y.B. Tuan**  
**Lee Lam Thye) [Ruangan 1441]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 1405]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan)**  
[Ruangan 1405]

**Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) [Ruangan 1492]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Baharu).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Benteng).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (SIMUNJAN).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (BATU).
- „ Timbalan Menteri Buruh, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI *alias* CHIAH SOO HA (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UNGGAH EMBAS (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI *alias* NG SING SAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN (Tanah Merah).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB (Sabak Bernam).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAW LAI HENG, *alias* GOH LAI HENG (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ TUAN ABDUL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN BASRI BIN BAJURI (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY (Padang Serai).

- Yang Berhormat TUAN LOKE YUEN YOW (Tanjong Malim.)
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL BIN PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH (Maran).
- „ TUAN MOHAMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF (Balik Pulau).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN ISA (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (JEMPOL).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

- Yang Berhormat DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TALMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Selasa, 21hb Oktober, 1986

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

## KILANG BANANA CHIP

1. **Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang untuk menubuhkan kilang pisang (banana chip factory) dan kilang untuk memproseskan kacang tanah dan jagung dan lain-lain buahan di kawasan Terusan, Bahagian Kelima Sarawak memandangkan pengeluaran pisang, kacang tanah dan jagung di kawasan tersebut adalah tinggi. Jika ya, bilakah kajian untuk membina kilang itu dijalankan dan agensi Kerajaan yang manakah akan menjalankan projek tersebut; jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, buat masa kini Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk mendirikan sebuah kilang "banana chip", dengan izin, atau kilang untuk memproses kacang tanah, di Bahagian Kelima, Sarawak. Ini adalah memandangkan kepada jumlah pengeluaran buah pisang, kacang tanah, jagung dan buah-

buah di Bahagian Kelima begitu kecil dan tidak tetap untuk mewajarkan penubuhan sebuah kilang. Walau bagaimanapun, pihak FAMA Negeri Sarawak akan mencadang untuk membuat satu kajian berhubung dengan perkara ini.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau sekiranya pisang dan juga kacang tanah di Bahagian Kelima dan juga lain-lain Bahagian di Sarawak dapat ditambahkan, adakah Kementerian bercadang untuk mendirikan kilang yang berkenaan?

Yang keduanya, berhubung dengan perkara hasil pertanian seperti pisang, kacang tanah, ada lagi satu mempelam yang terdapat di negeri yang lain, iaitu di utara tanahair kalau dibandingkan dengan kawasan Terusan tadi. Adakah Kerajaan bercadang juga untuk membina kilang berkaitan dengan perusahaan tersebut?

**Tuan Yang di-Pertua:** Berkenaan mempelam itu tak payah dijawab, tempat lain. Jawab berkenaan dengan Sarawak.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya kalau pengeluaran bertambah, Kementerian Pertanian mesti ada bercadang buat kilang.

**Tuan Mutang Tagal:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, iaitu penerimaan pisang emas, sejenis pisang yang terdapat di tanahair kita adalah begitu

baik di kalangan pembeli-pembeli dari negara lain, seperti Singapura, Hongkong dan juga Jepun. Saya ingin bertanya di sini, selain daripada usaha Kerajaan untuk mengeksport pisang secara "raw" kepada negara lain, sama ada Kerajaan bercadang supaya pisang emas dapat dikilangkan di negara ini supaya kita dapat "conserve foreign exchange".

Keduanya, sama ada Kerajaan telah membuat . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kata pisang emas dikilangkan?

**Tuan Mutang Tagal:** Dikilangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pisang emas dikilangkan?

**Tuan Mutang Tagal:** Ya.

Soalan yang kedua, sama ada Kerajaan ataupun MARDI telah pun membuat kajian-kajian yang tertentu untuk mewujudkan satu "strain" yang baru selain daripada pisang emas supaya kita dapat "widen" jenis-jenis pisang yang dapat kita pasarkan di luar negeri?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai pisang emas dikilangkan, kalau pengeluaran yang besar, kita mesti boleh tubuhkan satu kilang emas . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Kilang pisang emas!

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Ya, kilang pisang emas, minta maaf (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan kilang emas.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Kilang emas mesti ada. Kalau pengeluaran emas, mesti ada kilang emas. Tetapi di Bahagian Kelima jenis pisang yang ditanam bukan pisang

emas, itu jenis pisang "rastali" dan "hotel", itu nama pisang.

Berkenaan soalan kedua, setakat ini pengeluaran pisang emas masih tak cukup untuk menghantar ke pasaran-pasaran luar negeri dan kita tak perlulah timbang "strain" yang baru untuk mengeluarkan.

#### DUIT SYILING SATU SEN— PENGUNAAN

2. **Drs Suleiman bin Mohamed** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah kegunaan duit syiling satu sen tidak digunakan seluasnya oleh orang ramai dan kerapkali tidak diterima oleh pekedai-pekedai runcit. Apakah tindakan Bank Negara akan diambil supaya semua lapisan masyarakat menerimanya seperti wang-wang syiling yang lain.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ng Cheng Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, duit syiling satu sen masih terus digunakan secara meluas oleh orang ramai. Pada akhir bulan Jun, 1986 terdapat sebanyak \$3.92 juta atau 392 juta keping duit syiling ini dalam edaran. Mengikut undang-undang, duit syiling satu sen adalah sah diperlakukan untuk sebarang bayaran hutang yang tidak melebihi \$2.00.

#### PASARAN BARANGAN UTAMA KE LUAR NEGERI—GALAKAN

3. **Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah insentif-insentif yang diberi oleh Kementerian Perusahaan Utama untuk menggalakkan golongan peniaga bumiputera yang berminat dalam bidang pemasaran barangan perusahaan utama Malaysia ke luar negeri.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memberi galakan dan bantuan kepada pengeksport-pengeksport Malaysia yang termasuk kaum bumiputera yang berminat dalam bidang pemasaran barangan utama Malaysia ke luar negeri.

Di antara bantuan-bantuan yang diberikan kepada para pengeksport Malaysia adalah seperti berikut:

- (1) Penyertaan dalam misi-misi perdagangan dan pameran-pameran untuk menggalakkan jualan di pasaran luar negeri. Kerajaan sentiasa menghantar misi-misi perdagangan ke luar negeri dari masa ke semasa. Pihak Kerajaan telah dan akan menjemput para peniaga, pengeksport, termasuk peniaga-peniaga bumiputera untuk menyertai misi-misi tersebut. Dengan penyertaan ini peniaga-peniaga bumiputera akan dapat peluang untuk bertemu dan berbincang dengan para pengimport barangan utama Malaysia mengenai urusan perdagangan mereka.

- (2) *Penyebaran Maklumat Pasaran Barangan Utama Malaysia—*

Melalui agensi-agensi seperti Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORLA), Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah Malaysia (MRELB), Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (MRRDB), Pusat Perdagangan Galakan Eksport (MAXPO) dan lain-lain, Kerajaan telah dapat menyebarkan maklumat pasaran seperti harga spesifikasi barangan, peluang-peluang pasaran dan sebagainya melalui kajian-kajian pasaran yang

diterbitkan oleh agensi-agensi tersebut dari masa ke semasa. Melalui penerbitan-penerbitan berkenaan, pertanyaan-pertanyaan perdagangan dari pengimport-pengimport dari luar negeri yang berminat untuk membeli barangan utama Malaysia juga dapat disalurkan kepada peniaga-peniaga bumiputera.

- (3) *Peranan oleh Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia—*

Kerajaan telah menubuhkan 29 pejabat Pesuruhjaya Perdagangan seluruh dunia khususnya di pusat-pusat pasaran penting yang bertujuan untuk menggalakkan eksport barangan buatan dan barangan utama Malaysia melalui Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan Malaysia, peniaga-peniaga bumiputera boleh mendapatkan bantuan dari segi peluang-peluang pasaran, maklumat-maklumat pasaran dan juga membereskan apa-apa kesulitan yang dihadapi oleh mereka.

- (4) *Latihan dan Kursus—*

Menerusi agensi-agensinya seperti yang saya sebutkan di atas tadi, Kerajaan juga mengadakan kursus-kursus dan latihan khususnya untuk pengusaha bumiputera bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam bidang barangan utama. Kursus-kursus ini termasuklah asas-asas rundingniaga dan kontrak, tatacara dan amalan eksport serta aspek-aspek pemasaran dan pengimportan barangan utama.

- (5) *Khidmat Nasihat Teknikal—*

Kerajaan juga telah menubuhkan beberapa pusat khidmat nasihat bagi barangan

utama seperti getah dan minyak kelapa sawit di mana bantuan dari segi teknikal dapat diberikan kepada pengguna-pengguna barangan utama Malaysia itu di luar negeri. Peniaga-peniaga bumiputera boleh menggunakan kemudahan ini sekiranya mereka menghadapi apa-apa kesulitan dari segi teknikal di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan usaha-usaha tersebut di atas adalah diharapkan peniaga-peniaga kaum bumiputera akan terus merebut peluang dalam usaha-usaha pemasaran barangan utama Malaysia di luar negeri.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada berita yang kita dimaklumkan bahawa Kerajaan India telah pun mengurangkan pembelian minyak kelapa sawit daripada negara kita ini. Dan jika ianya benar, apakah langkah-langkah tertentu yang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan supaya Kerajaan India mempertingkatkan pembelian minyak kelapa sawit daripada negara kita ini?

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon maaf kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan kerana soalan tambahan ini agak keluar sedikit daripada soalan asal yang hendak mengetahui tentang peranan Kementerian memberikan galakan kepada peniaga bumiputera dalam pemasaran barangan perusahaan utama kita di luar negeri.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada golongan peniaga-peniaga bumiputera yang cuba memasuki bidang pemasaran barangan perusahaan utama Malaysia

dan lain-lainnya ke luar negeri, tetapi malangnya ada halangan-halangan dari kalangan-kalangan tertentu menggagalkannya. Soalan saya, apakah usaha-usaha menghalang petualang-petualang yang hendak menggagalkan peniaga-peniaga bumiputera itu?

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya Ahli Yang Berhormat boleh memberi tahu kepada saya dengan cara spesifik ataupun dengan cara yang detail usaha-usaha yang telah dijumpai oleh Ahli Yang Berhormat yang kononnya terdapat mereka yang cuba menghalang kaum bumiputera untuk berniaga di luar negeri. Sepertimana yang saya telah terangkan tadi, pihak Kementerian telah berusaha seberapa daya yang boleh untuk memberi galakan kepada kaum bumiputera untuk memasuki bidang ini di mana kita semua sedia maklum sekarang ini amat kekurangan kaum bumiputera yang mengambil bahagian.

#### INTIPAN PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI

**4. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementeriannya telah melantik pelajar-pelajar kita untuk mengintip aktiviti-aktiviti pelajar-pelajar kita yang menuntut di luar negeri terutamanya di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, beberapa penuntut-penuntut yang balik ke sini ada berkata bahawa apabila balik mereka ditahan dan disoal mengenai aktiviti-aktiviti semasa mereka belajar di United Kingdom

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya Yang Berhormat dari Seremban itu memberikan nama-nama penuntut yang telah disoal siasat oleh pihak-pihak tertentu kepada saya.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan, apakah sebab pelajar-pelajar kita yang pulang dari luar negeri dikehendaki memberi butir-butir aktiviti mereka semasa di luar negeri kepada pihak Imigeresen sebelum mereka dibenar masuk ke negeri kita dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar kehendak ini adalah jadi satu ancaman mental kepada pelajar-pelajar tersebut?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti ini adalah perkara biasa kerana penuntut-penuntut ini sudah lama tinggal di luar negeri. Jadi, kita terpaksa mengambil segala butir-butir kegiatan mereka dan kalau sekiranya mereka tidak bersalah, tidak ada apa-apa tindakan yang diambil.

#### **PENDATANG HARAM MENAMBAHKAN PENGANGGURAN**

5. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Buruh untuk menyatakan sama ada kemasukan pendatang-pendatang haram dari Indonesia dan Filipina menambahkan lagi masalah pengangguran di Malaysia terutama Sabah. Adakah Kerajaan telah mengambil tindakan untuk mengatasi masalah pengangguran. Jika ada, apakah langkah-langkah yang telah diambil dan adakah ini berkesan serta menyatakan bagaimana pendatang-pendatang haram yang bekerja boleh menjejaskan kehidupan rakyat Malaysia dan ekonomi negara.

**Timbalan Menteri Buruh (Tuan Kalakau Untol):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak dapat dipastikan sama ada kemasukan buruh pendatang haram dari negara-negara Indonesia dan Filipina menambahkan lagi masalah pengangguran di negara kita terutama sekali di negeri Sabah memandangkan tidak ada bukti-bukti yang konkrit yang menyatakan begitu. Tambahan pula tidak terdapat rekod-rekod yang komprehensif mengenai bilangan buruh pendatang haram di negara kita memandangkan mereka masuk ke negara ini secara haram.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya, buruh pendatang haram digajikan di tempat-tempat pekerjaan yang terletak di kawasan pendalaman dan terpencil yang mana menjadikan sukar untuk mengesani mereka. Umpamanya di negeri Sabah, kononnya didapati mereka digajikan sebagai buruh kasar di sektor-sektor perladangan, pembinaan dan pembalakan. Mungkin menasabah kalau diungkapkan setakat ini bahawa pendatang haram dari negara Indonesia dan Filipina menjalankan kerja-kerja di sektor-sektor yang masih kurang diminati oleh pekerja-pekerja tempatan. Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa buat masa ini aktiviti-aktiviti penuh buruh pendatang haram tidak begitu menjejaskan peluang pekerjaan bagi pekerja-pekerja tempatan, khususnya di Sabah. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan berusaha sedaya upaya untuk mengesani buruh pendatang haram di negara kita dan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada langkah-langkah yang berkesan yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran, jawapan yang lengkap telah pun diberi di Dewan yang mulia ini pada 16hb. yang lalu ketika menjawab pertanyaan

daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Gantang. Salah satu daripada langkah itu ialah menyekat kemasukan baru pekerja-pekerja asing dan menghantar pulang buruh pendatang haram.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Timbalan Menteri.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Timbalan Menteri, terima kasih. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tidak dapat dipastikan sejauh manakah pendatang-pendatang haram dari Indonesia dan Filipina yang bersaing dengan buruh tempatan untuk bekerja di ladang, di estet-estet ataupun mungkin bidang pembinaan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tidak pernah pihak Kerajaan khususnya Kementerian Buruh yang menjalankan suatu penyiasatan mendalam, menyeluruh untuk memastikan the extent of the problem, Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah masalah ini sudah mengancam kepentingan negara kita khususnya bilangan jumlah pendatang-pendatang haram yang masih tinggal di Malaysia, yang masih kerja di Malaysia, yang melumpuhkan peluang untuk pekerja di Malaysia? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi satu jawapan secara tetap, berapakah pendatang-pendatang haram diam di Malaysia?

**Tuan Kalakau Untol:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan tadi bahawa tidak ada rekod-rekod yang komprehensif kerana mereka ini datang ke negara kita secara haram.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, kegiatan-kegiatan jenayah oleh pekerja-pekerja pendatang nara, yang bekerja di tempat-tempat

pembinaan di kawasan saya amatlah teruk dan saya difahamkan daripada pihak Polis bahawa tiadanya persefahaman atau koodinasi di antara pihak Polis atau Kementerian Buruh untuk mengambil tindakan bersama-sama menghapuskan pekerja-pekerja pendatang haram. Saya ingin mencadangkan di sini dan saya harap cadangan saya ini . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak boleh mencadangkan, Yang Berhormat dikehendaki membuat soalan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Soalan saya, sebab cadangan ini pun satu soalan juga, saya bercadang di sini dan saya harap cadangan akan diterima oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat diminta membuat soalan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Soalan saya ialah sama ada cadangan saya ini akan diterima oleh Kementerian dan soalan saya ini ialah sama ada Kementerian Buruh sentiasa mengadakan tindakan siasatan di tempat-tempat pembinaan perdagangan atau di tempat-tempat yang lain yang ada wujudnya pekerja-pekerja pendatang haram. Jika ada, memberitahu pihak Polis atau pihak Imigresen supaya tindakan bersama boleh diambil untuk menghapuskan pekerja-pekerja pendatang haram ini. Inilah soalan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu dikemukakan kepada pihak Polis dan pihak Imigresen. Oleh sebab sekarang kita di bawah perkara berkenaan dengan Kementerian Buruh, saya tidak luluskan itu.

#### PERDAGANGAN MALAYSIA— CHINA

6. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada hasil ekonomi

dan perdagangan akibat lawatan Perdana Menteri ke China adalah amat kurang meskipun delegasi seramai 250 beliau itu merupakan delegasi rasmi yang terbesar sekali yang pernah melawat China dan sebab-sebab mengapa terdapat pemulangan yang begitu kurang akibat lawatan delegasi yang begitu besar itu.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar hasil ekonomi dan perdagangan akibat lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Republik Rakyat China (RRC) amat kurang. Sebenarnya lawatan delegasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke RRC telah mendatangkan hasil yang menggalakkan serta telah mengenalpasti peluang-peluang pelaburan dan perdagangan di negara tersebut.

Walaupun bagaimanapun hasil sebenar yang diperolehi akan mengambil masa untuk menjadi kenyataan. Langkah-langkah telah diambil untuk memberi kelonggaran kepada peserta-peserta swasta yang menyertai lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membuat lawatan susulan ke RRC bagi mengeksploitasi peluang-peluang pelaburan dan perdagangan yang telah dikenalpasti semasa lawatan beliau itu. Lebih banyak rombongan perdagangan dan ekonomi yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan dan juga sektor swasta telah dan akan melawat ke RRC untuk meningkatkan lagi hubungan ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua pihak.

Sungguhpun RRC sedang mengamalkan dasar pintu terbuka dan sedang giat menjalani proses modenisasi, terdapat pula beberapa dasar yang bercanggah di antara satu sama lain yang mengakibatkan kesulitan kepada pengusaha-pengusaha dan pedagang-pedagang luar negeri termasuk dari negara Jepun, Amerika Syarikat dan juga

negara kita untuk memahami keadaan sebenar. Selain dari sistem perundangan yang bercanggah dan tidak selari dengan kehendak-kehendak permodenannya, sistem birokrasi yang diamalkan juga menyebabkan kelewatan dalam membuat sesuatu keputusan. Faktor-faktor ini sudah pasti akan melewatkan lagi apa-apa faedah yang mungkin dihasilkan.

Di samping itu, oleh kerana beberapa masalah yang sedang dihadapi oleh RRC, menyebabkan Kerajaan RRC kini menjadi lebih berhati-hati, malah beberapa sekatan telah dikenakan bagi mengurangkan import terutama barangan siap dan barangan mewah. Justeru itu pihak Kerajaan dan sektor swasta negara ini perlulah lebih realistik dalam anggapan kita terhadap RRC. Walaupun terdapat peluang-peluang tertentu di bidang perdagangan dan pelaburan di RRC, kita perlu menginsafi bahawa penghasilan dari peluang-peluang tersebut akan mengambil masa dan tidaklah sebegitu mudah seperti yang disangkakan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah terjadi dengan persetujuan untuk memansuhkan A.P. dan apakah rumusan yang sedang diadakan untuk menyelesaikan masalah seperti ini?

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soalan tambahan ini tidak berkaitan dengan soalan yang asal.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada lawatan ke China, ini ada sangkut-paut dengan A.P.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong, minta disoalkan semula soalan tadi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, apakah terjadi dengan persetujuan semasa lawatan itu untuk memansuhkan A.P. dan apakah rumusan yang sedang diadakan untuk menyelesaikan masalah yang begitu susah hendak diselesaikan masa ini? *(Tepuk).*

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan bahawa tidak ada persetujuan dicapai di antara pihak China dan Malaysia mengenai penggunaan A.P. tentang import ke negara ini ataupun sistem perlesenan yang dikenakan ke atas import. Perkara ini masih dirundingkan di antara China dan Malaysia untuk mengadakan satu perjanjian perdagangan *(Tepuk).*

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa berikutan dengan lawatan delegasi yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negeri China bahawa ada mendapat hasil daripada peluang-peluang pelaburan dan perdagangan. Sudah dekat satu tahun sekarang dan kita hendak tahu apakah hasil itu daripada dolar dan sen? Dalam dekat satu tahun ini apakah langkah-langkah yang diambil baik pun oleh pihak-pihak negeri China untuk mengadakan pelaburan atau perdagangan dengan Malaysia dan sebaliknya, apakah projek-projek yang kita boleh lihat dan boleh dilaporkan kepada Dewan yang mulia ini dalam dolar dan sen atau nilainya—bukan sahaja satu jawapan yang menyeluruh dan umum.

Yang kedua, bukannya benar bahawa sungguhpun ada pedagang-pedagang dan pelabur-pelabur yang ada menyertai rombongan Perdana Menteri apabila mereka balik ada buat sungutan bahawa mereka bersusah-

payah untuk pergi ke negeri China mengadakan hubungan oleh kerana kesukaran-kesukaran dari pihak Imigeresen dan lain-lain. Apakah tindakan diambil supaya delegasi Perdana Menteri itu bukan satu delegasi untuk sosial sahaja tetapi sebenarnya ada "follow-up result" dan akankah Yang Berhormat Menteri perlu lagi selamatkan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapan ini? *(Tepuk).*

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini panjang, tetapi saya cuba menjawabnya.

Hasil daripada lawatan perdagangan Perdana Menteri ke negeri China dapat dilihat daripada perspektif berikut:

- (1) Perdagangan dua hala antara China/Malaysia telah bertambah 9.2% dalam masa enam bulan pertama 1986 berbanding dengan tempoh yang sama 1985. Di masa yang sama, eksport ke negeri China telah bertambah sebanyak 17.5% mengikut statistik negeri China;
- (2) jumlah pertukaran lawatan antara kedua belah pihak telah bertambah 13 kali ganda berbanding dengan jumlah sebelum lawatan Perdana Menteri ke RRC;
- (3) perbincangan-perbincangan perdagangan semasa lawatan rombongan tersebut telah berjaya mendapatkan pesanan berjumlah \$60 juta bagi barangan Malaysia. Tiga perjanjian usahasama bagi projek-projek yang berharga \$480 juta telah ditandatangani semasa lawatan tersebut. Sementara projek-projek lain yang bernilai \$1,215 juta masih lagi dalam peringkat rundingan berterusan.

Berkaitan dengan soalan kedua, Kementerian sekarang masih mengambil langkah-langkah susulan.

### KAD PENGENALAN BIRU KEPADA PENDATANG HARAM

7. **Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kad-kad pengenalan biru telah diberikan kepada pendatang-pendatang haram dari Filipina dan Indonesia dan juga kepada pelarian-pelarian, jika benar, adakah mereka ini memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan berapa banyakkah kad-kad pengenalan biru yang telah diberikan kepada kaum-kaum tersebut.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, kad pengenalan biru tidak dikeluarkan kepada mana-mana pendatang haram atau mana-mana pelarian di negara ini. Mengikut Peraturan 5(2) Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1959, kad pengenalan biru hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia.

**Dr V. David:** Tuan Yang di-Pertua, adakah tidak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di pejabatnya ada satu unit yang menjaga orang yang datang daripada Indonesia untuk diberi kad pengenalan biru. Soalan saya ialah, adakah atau tidak? Kalau ada, macam mana, mengikut undang-undang peraturan berapa yang Lembaga kita memberi kad pengenalan biru.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya pada wakil dari Puchong ini, bertanya kepada Perdana Menteri atau kepada Kementerian Dalam Negeri? (*Tepuk*).

**Dr V. David:** Perdana Menteri.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Perdana Menteri, saya minta maaf.

**Dr V. David:** Tetapi Kerajaan ini bukan sulit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya tidak boleh membenarkan soal jawab macam itu. (*Tepuk*) Jemput wakil Labuan.

**Tuan Abdul Mulok Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan kad pengenalan biru tidak dikeluarkan kepada pendatang-pendatang haram. Tetapi di Sabah terutamanya, ramai pendatang-pendatang dari Filipina dan Indonesia malah pendatang-pendatang haram dari Pakistan pun mempunyai kad pengenalan biru.

Soalan saya, adakah Kerajaan atau Kementerian akan mengkaji semula dan mengadakan penyemakan. Kalau boleh mengeluarkan satu bentuk kad pengenalan baru menggantikan kad pengenalan yang sedia ada. (*Tepuk*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang kedua berkenaan dengan kad pengenalan biru itu tidak bersangkut. Yang pertama itu, sila jawab.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon sangat kerjasama daripada Yang Berhormat wakil Labuan untuk menyenaraikan, jika ada pendatang-pendatang haram dan pelarian-pelarian di Sabah ataupun di Labuan yang telah diberi kad pengenalan biru dan tolong beri kepada saya untuk disiasat. Terima kasih. (*Tepuk*).

### BIL TELEFON—ADUAN

8. **Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah beliau sedar:

- (i) akan aduan yang berleluasa terhadap lebih bayaran yang dikenakan di bil-bil telefon; dan
- (ii) bahawa peraturan semasa Jabatan Telekom yang tidak

membenarkan pengguna-pengguna memeriksa bil telefon dengan lebih teliti di mana mengakibatkan pengguna-pengguna terpaksa tunduk kepada kemahuan pihak jabatan tanpa soal.

Jika ia, apakah tindakan yang telah diambil atau akan diambil untuk memastikan pengguna-pengguna tidak dikenakan bil berlebihan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim):** Tuan Yang di-Pertua, memang adanya aduan-aduan mengenai bil-bil telefon yang dikatakan terlalu tinggi tetapi angkanya tidaklah begitu berleluasa seperti yang dikatakan, kerana daripada jumlah 1.01 juta pengguna yang ada sekarang, cuma 4% sahaja yang membuat pengaduan tidak puas hati tentang bil-bil mereka. Walaupun begitu, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Kementerian ini beberapa kali dahulu di dalam Dewan yang mulia ini tiap-tiap aduan itu telah disiasat dengan telitinya dan siasatan itu menunjukkan cuma .05% sahaja didapati berasas.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah ini, Kementerian saya telah merancang untuk melaksanakan satu projek yang dikenali sebagai, dengan izin, "itemise billing" dan projek ini dijangka akan memakan belanja yang amat besar. Dalam keadaan demikian, projek ini perlulah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan buat masa ini projek tersebut dilaksanakan secara perintis di beberapa kawasan untuk menguji keupayaannya. Itulah jawapan saya.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian tersebut telah memberi jawapan

dengan mempermain-mainkan angka-angka. Saya ingin mendapat tahu . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, mengapa Yang Berhormat mengatakan perkataan "mempermainkan" itu?

**Tuan P. Patto:** Dia menggunakan angka-angka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menggunakan angka-angka ya.

**Tuan P. Patto:** Okay. Dengan menggunakan angka-angka, kalau Tuan Yang di-Pertua meminta saya jangan menggunakan perkataan "mempermainkan", apakah langkah-langkah Yang Berhormat dan Kementeriannya akan mengambil setiap kali mendapat aduan daripada pelanggan-pelanggan tentang bil-bil di mana dinyatakan bayarannya yang jauh berbeza dengan bil-bil sebelum bil yang mempunyai angka-angka yang begitu melambung naik dan sama ada beliau sedar bahawa setiap kali aduan dibuat, pelanggan diminta untuk membayar dahulu dan selepas itu barulah disiasat dan selepas disiasat, didapati semua bil itu betul.

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya katakan, bil ini yang berbeza. Setiap aduan itu disiasat dengan teliti dan jikalau didapati ada kesalahan atau kesilapan dalam entry of account, dengan izin, kami akan memulangkan semua wang yang telah dibayar kepada Jabatan Telekom. Jikalau didapati tiada kesilapan atau kesalahan meter atau kesalahan dalam memasukkan taklimat dalam komputer, pengguna itu kenalah bayar. Itulah jawapan saya.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Tuan Yang di-Pertua, jika pengguna-pengguna ini masih tidak puas hati dengan jawapan yang diberi oleh Telekom, adakah

pengguna-pengguna ini masih boleh membuat aduan lagi, jika ya kepada siapa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Barangkali kepada Mahkamah agaknya.

**Tuan Ong Tin Kim:** Tidak, tidak payah. Jikalau pengguna itu tidak puas hati dengan siasatan itu bolehlah kemukakan soal atau pengaduan itu kepada Kementerian atau saya atau Timbalan Menteri ataupun Pengarah Telekom. Kita akan mengarahkan Pengarah kawasan itu membuat siasatan lebih teliti lagi.

### PENDATANG HARAM INDONESIA/KES JENAYAH

9. **Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan pendatang haram Indonesia yang dianggarkan berada di Malaysia sehingga akhir Ogos 1986 dan berapa peratuskah kes jenayah yang melibatkan pendatang-pendatang haram yang dilaporkan kepada Polis sehingga tempoh tersebut.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri tidak dapat memberikan bilangan pendatang haram Indonesia ataupun lain-lain warganegara asing yang berada di Malaysia secara haram oleh kerana kemasukan dan kehadiran mereka adalah secara haram. Namun demikian pihak Kementerian sentiasa mengambil tindakan bagi mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir pendatang-pendatang haram dari negara ini tanpa mengira negara asal mereka.

Tuan Yang di-Pertua, peratus kes jenayah yang melibatkan pendatang-pendatang haram yang dilaporkan kepada Polis adalah seperti berikut:

Tahun	Jenayah Keseluruhan	Jenayah yang dilakukan oleh Pendatang Haram	Peratus
1984	77,939	1,837	2.36%
1985	77,743	1,184	1.52%
Sehingga Jun. 1986	47,391	737	1.55%

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa Kementerian yang berkenaan pernah mengambil tindakan untuk menangkap dan menghantar balik pendatang haram tidak kira dari negara mana.

Suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan tentang bagaimana keberkesanan Pasukan Petugas VII yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mencegah kemasukan pendatang haram ke negara kita dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri juga sedar bahawa sungguhpun Kementerian yang berkenaan tidak mempunyai angka-angka tetapi adakah beliau sedar bahawa kemasukan pendatang-pendatang haram ini telah meningkat setiap tahun dan mereka boleh dikatakan merupakan satu masalah yang serius yang boleh menimbulkan masalah-masalah politik, sosial dan ekonomi di negara kita.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, kesan daripada tindakan yang telah diambil oleh penguatkuasa yang telah ditubuhkan adalah sungguh besar sehinggakan setelah serbuan dan tindakan kita ambil pihak Kementerian telah menerima berpuluh-puluh pucuk surat daripada taukeh-taukeh ladang, juga dari R.G.A. dengan izin "Rubber Growers Association" memohon agar janganlah tindakan ini dibuat sehingga kami tidak ada lagi buruh di ladang-ladang. Begitulah kesannya.

Tentang angka yang telah pun dipohon oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya beri misalannya sahaja iaitu pendatang haram Indonesia yang dapat kita usir, angkanya bertambah dari semasa ke semasa.

Tahun	Pendatang Haram Yang Diusir
1981 .. .. .	2,274 orang
1982 .. .. .	2,910 ..
1983 .. .. .	4,573 ..
1984 .. .. .	6,647 ..
(Setelah Jawatankuasa ini ditubuhkan)	
1985 .. .. .	12,582 ..
(Sehingga Ogos, 1986)	
1986 .. .. .	6,032 ..

Itulah keberkesanan daripada tertubuhnya Jawatankuasa tersebut.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jumlah angka yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan jenayah yang dilakukan oleh pendatang haram, bolehkah Timbalan Menteri menjelaskan peratus pendatang haram yang melakukan jenayah daripada negeri Hong Kong, Taiwan ataupun China, kalau ada. Saya juga ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah jumlah pendatang-pendatang haram daripada negara-negara tersebut.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon maaf tidak dapat memberikan jawapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan asal ini berkenaan pendatang haram daripada Indonesia (*Tepuk*).

#### SEKOLAH/NISBAH MURID DENGAN KELAS

**10. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pelajaran menyatakan bagi sekolah-sekolah di Bahagian Pilihanraya Kepong (*a*) Bilangan SRJK (C) dan SRJK dan bilangan sekolah menengah; (*b*) nisbah murid dengan kelas di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah, dengan memberikan angka-angka berasingan

bagi kategori Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil); (*c*) nisbah guru dengan kelas dan guru dengan murid bagi setiap kategori yang tersebut di atas; (*d*) guru matapelajaran yang masih diperlukan mengikut kategori-kategori di atas. Bagaimana pula dengan keadaan kekurangan ini di peringkat kebangsaan; (*e*) apakah tahap kejayaan yang tercapai oleh pihak Kementerian dalam menyelesaikan masalah kekurangan guru matapelajaran berkenaan di peringkat—

kebangsaan;

kawasan Jinjang—Kepong.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini sebahagian besarnya menghendaki angka-angka saya memohon sebahagian daripadanya dijawab secara lisan dan sebahagian lagi secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila secara lisan pun jangan panjang.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, kerana jawapan lisan itu ada kait mengait dengan kehendak negara.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan guru terlatih mengikut jenis sekolah di bahagian Kepong ialah:

SK/SRK	— 46 orang
SRJK (C)	— 94 ..
SRJK (T)	— 5 ..

Dan kekurangan guru terlatih mengikut jenis sekolah di peringkat negara atau kebangsaan seperti pada 31-1-1986 ialah:

SK/SRK	— 10,956 orang
SRJK (C)	— 4,886 ..
SRJK (T)	— 1,490 ..

Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan guru terlatih akan berterusan buat beberapa tahun lagi. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran mengambil langkah-langkah tertentu untuk menambah bilangan guru-guru terlatih.

Bagi sekolah menengah, Tuan Yang di-Pertua, bilangan guru-guru bagi kawasan Jinjang—Kepong adalah mencukupi hanya terdapat Sekolah Menengah Raja Abdullah kekurangan seorang guru tetapi kekurangan ini telah diisi dengan guru sandaran tanpa latihan. Masalah kekurangan guru di kawasan Jinjang—Kepong tidaklah begitu besar jika dibandingkan dengan masalah-masalah di peringkat kebangsaan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, apakah nisbah yang digunakan untuk menafsirkan kekurangan guru-guru yang disebutkan tadi. Apakah nisbah di antara bilangan murid atau bilangan pelajar dengan kelas dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, adakah langkah-langkah yang berkesan diambil untuk mengatasi kekurangan yang disebutkan tadi kerana nampaknya beberapa tahun sudah saya di sini dan saya sudah beberapa kali bertanya dan tiap-tiap kali jawapan diberi malangnya kekurangan itu bertambah.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, nisbah yang digunakan ialah nisbah sebagaimana yang disoal oleh Ahli Yang Berhormat, iaitu berasas kepada soalan yang dikemukakan kepada kami dan, insya Allah, angka-angka yang dipohon itu akan disampaikan kepada Yang Berhormat.

Soal kekurangan guru yang terlatih saya rasa, saya telah menjelaskan dengan panjang lebar di Dewan yang mulia ini sebelum ini. Namun

demikian perlu saya jelaskan lagi iaitu kita telah mengambil langkah-langkah yang tertentu termasuklah yang utamanya yang paling penting ialah kita menambahkan kemasukan guru-guru pelatih dalam maktab-maktab perguruan daripada 100% hingga sampai 150% supaya masalah ini dapat dipertingkatkan. Dan yang lain-lain itu saya mohon Ahli Yang Berhormat ini kalau dapat membaca *Hansard* kerana ini sudah dijawab dengan panjang lebar lebih kurang satu minggu lepas.

### POLIS—MENYALAHGUNAKAN SENJATAPI

**11. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah yang telah diambil untuk menentukan pihak Polis yang menggunakan senjataapi dengan sewenang-wenangnya tidak menyalahgunakan senjataapi diberikan kepada mereka semasa menjalankan tugas dan terangkan mengenai apakah Perintah Ketua Polis Negara (IGPSO) terhadap penggunaan senjataapi itu.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa untuk mencegah anggota-anggota polis daripada menyalahgunakan senjataapi mereka, Hukuman Tetap Ketua Polis Negara telah menggariskan keadaan-keadaan di mana anggota polis boleh menggunakan senjataapi. Di bawah Hukuman Tetap Ketua Polis Negara tersebut, anggota-anggota polis boleh menggunakan senjataapi dalam keadaan-keadaan berikut:

- (i) menghadapi serangan-serangan ke atas balai-balai atau pondok-pondok polis yang jika tidak dipatahkan akan mengakibatkan kematian atau kecederaan dan sebagainya.

- (ii) serangan-serangan yang membahayakan keselamatan anggota Polis berkenaan;
- (iii) dalam usaha menyelamatkan mangsa-mangsa dalam kes cubaan merogol jika cara-cara lain tidak berhasil;
- (iv) untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda awam, misalnya dalam kes cubaan merompak, pecah rumah pada waktu malam hari dan kes cubaan membakar bangunan-bangunan atau rumah;
- (v) untuk menangkap atau menghalang seseorang itu dari melepaskan diri yang jika ianya disabitkan kesalahannya boleh membawa kepada hukuman mati atau penjara seumur hidup;
- (vi) untuk menangkap seseorang seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 74, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960;
- (vii) untuk menangkap seseorang dalam kereta yang mana dipercayai orang itu jika disabitkan kesalahannya boleh dihukum mati atau penjara seumur hidup;
- (viii) orang yang dipercayai pengganas komunis atau kuncu-kuncunya.

Kerajaan memandang berat ke atas mana-mana anggota Polis yang terbukti menyalahgunakan senjatapi yang telah diperuntukkan kepada mereka semasa menjalankan tugas. Tindakan tegas akan diambil ke atas mereka yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan termasuk mendakwa mereka di mahkamah mengikut peruntukan-peruntukan di bawah Kanun Keseksaan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan

Menteri menerangkan berapakah jumlah kes setakat ini di mana berlakunya penggunaan senjatapi dengan secara sewenang-wenang.

Kedua, melihat kepada bertambahnya bilangan ataupun kadar jenayah yang berlaku di negara kita ini dan ianya bolehlah dianggap sebagai mengancam keselamatan nyawa pegawai-pegawai Polis, adakah Kementerian Dalam Negeri bercadang untuk memperluaskan keadaan-keadaan di mana senjatapi boleh digunakan iaitu perubahan kepada perintah Ketua Polis Negara?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama, saya mempunyai angka hanya setakat 1985 daripada 1983:

	1983	1984	1985
Kehilangan senjatapi atau peluru	10	12	5
Memiliki senjatapi tanpa kebenaran	4	5	3

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, yang ditanyakan itu . . . . .

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Penyalahgunaan senjatapi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, penyalahgunaan yang sewenang-wenangnya. Jikalau kehilangan dengan tidak disengajakan, itu bukanlah sewenang-wenangnya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kehilangan itu tidak dapat kita pastikan sama ada sengaja atau sewenang-wenangnya. Minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi Yang Berhormat bercakap itu seolah-olah kedua-duanya sekali. Sila teruskan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya sambung.

	1983	1984	1985
Bunuh diri dengan menggunakan senjata	2	4	2
Membuat ugutan untuk melakukan jenayah	2	4	4
Menyebabkan kematian	1	4	8

Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan kedua, pihak Polis dan pihak Kementerian akan mengkaji keperluan-keperluan ini mengikut masa-masa yang tertentu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pengkalan Chepa. Tidak gaduh angkat tangan, bangun sahaja (*Ketawa*). Ini bukan sekolah (*Ketawa*).

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar dalam masa 3 atau 4 hari lalu seorang pemuda bernama Nordin, dia datang ke Balai Polis Jinjang untuk membuat aduan kerana masalahnya dengan anggota Polis tertentu maka ianya dibelasah oleh pegawai Polis selain dari diugut, adakah boleh dipercayai pegawai Polis yang bertindak itu telah mengacu muncung senjata kepada pemuda itu. Soalannya, apakah komen Timbalan Menteri terhadap kejadian itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat hendak menjawab, kerana nampaknya ini tidak bersangkutan-paut dengan benda yang lepas itu.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kalau sekiranya Tuan Yang di-Pertua kata tidak bersangkutan-paut, tidak bersangkutan-pautlah (*Ketawa*).

### MAKUWASA SECURITIES SDN. BHD.

12. **Tuan Hu Sepang** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Makusawa Securities Sdn Bhd masih mengambil bahagian pasaran saham dan jika ya, nyatakan jumlah wang yang dilaburkan dan apakah pemulangan yang diperolehi.

**Tuan Ng Cheng Kiat:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk membubarkan MAKUWASA Securities Sdn. Bhd. Dengan itu MAKUWASA tidak lagi menjalankan urusan jualan beli saham di pasaran saham. Walau bagaimanapun, pembubaran ini hanya boleh dilaksanakan setelah beberapa perkara yang belum selesai diatasi sewajarnya. Oleh yang demikian, soalan Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan butir-butir pelaburan tidak lagi berbangkit.

Walaupun bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 15hb Oktober, 1986 keuntungan "realised gain", dengan izin, yang didapati oleh MAKUWASA daripada jualan saham-saham ialah \$9,753,833. Tetapi akibat dari kejatuhan nilai saham dari bulan Disember 1986 "unrealised paper loss", dengan izin, yang dialami oleh MAKUWASA atas saham-saham yang masih dipegang pada 30hb September, 1986 ialah \$473,642. Penyata akaun syarikat ini masih disediakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sebab-sebab Kerajaan mengambil keputusan untuk membubarkan MAKUWASA? Adakah ini satu pengakuan bahawa penubuhan MAKUWASA ini untuk mengambil bahagian dalam pasaran saham oleh Kerajaan ialah tidak wajar, tidak munasabah, tidak patut. Kedua, apa yang akan berlaku kepada wang-wang yang ada dalam MAKUWASA selepas pembubaran? Adakah ini datang ke dalam Consolidated Fund Kerajaan? Ketiga, adakah kira-kira akaun MAKUWASA ini diauditkan oleh Ketua Odit Negara atau ini akan menjadi sebuah syarikat swasta yang tidak diaudit, dibubarkan dan tidak bertanggungjawab kepada sesiapa (*Tepuk*).

**Tuan Ng Cheng Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tidak benar. MAKUWASA Securities Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat dimiliki oleh Kerajaan Malaysia. Sebagai rakyat negara ini, mereka adalah berhak untuk mendapat butir-butir mengenai syarikat ini. Sekiranya dapat kerjasama dari Yang Berhormat dari Tanjong dengan memberi notis, saya akan memberi butir-butir yang sewajar (*Ketawa*).

### PENIAGA/INDUSTRI—BANTUAN

13. **Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah program Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang sedang dijalankan untuk membantu golongan peniaga dan industri dalam menghadapi pasaran yang merosot akibat kemelesetan ekonomi negara.

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun menyediakan berbagai kemudahan dan galakan kepada sektor industri untuk membantu mereka menghadapi masalah kemelesetan ekonomi sekarang. Antara kemudahan ini ialah penubuhan Tabung Pelaburan Baru (*New Investment Fund*) yang memberikan pinjaman kepada pihak swasta untuk melabur di dalam projek pertanian, pembuatan dan pelancongan. Kerajaan juga telah menyediakan galakan cukai untuk membantu pihak swasta menjalankan projek perindustrian untuk pasaran tempatan dan juga eksport. Galangan-galangan juga diberikan kepada industri-industri yang menggunakan bahan-bahan tempatan dan juga industri-industri kecil. Pindaan-pindaan tertentu sedang dibuat kepada galakan yang ada sekarang untuk memberi faedah yang lebih

kepada industri-industri yang berteknologi tinggi dan juga yang berorientasi eksport. Ini dijangka dapat dilaksanakan tidak lama lagi.

Selain daripada itu langkah-langkah berikut telah juga diambil:

- (i) Penurunan kadar tarif elektrik;
- (ii) Pengurangan kadar panggilan telefon luar negeri;
- (iii) Pengurangan kadar bayaran teleks dalam dan luar negeri; dan
- (iv) Melaksanakan skim pembiayaan semula kredit eksport.

Bagi menggalakkan eksport pula, Kerajaan telah menyediakan galakan eksport kepada pengeksport-engeksport tempatan. Kerajaan juga menggalakkan rombongan-rombongan perdagangan keluar negeri untuk mencari pasaran yang lebih bagi keluaran negara. Galakan dalam bentuk potongan cukai diberikan kepada pengeksport-engeksport yang berusaha untuk mendapatkan pasaran di luar negeri.

Kerajaan juga akan memberi perlindungan yang sewajarnya kepada industri-industri tempatan yang menghadapi persaingan yang tidak adil daripada barang-barang import di pasaran dalam negeri. Perlindungan yang berupa cukai import (*tariff duties*) akan diberi jika didapati industri tempatan terjejas oleh barang-barang import melalui lambakan. Namun begitu adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya industri tempatan akan dapat bertanding dengan pengeluaran-pengeluaran luar negeri tanpa memerlukan banyak bantuan daripada Kerajaan.

**Datu Abdul Hamid bin Tun Datu Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar

bahawa kemudahan-kemudahan yang disediakan ataupun disenaraikan oleh Yang Berhormat sebentar tadi banyak peniaga-peniaga dan industri-industri tidak mengetahuinya dan apakah langkah-langkah Kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menyedarkan peniaga-peniaga dan pengindustri-pengindustri ini.

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah Kementerian yang sedang diambil ada disiarkan kepada orang ramai.

Saya mengambil peluang di sini mengulangkan lagi satu kali langkah-langkah itu:

- (i) Penurunan kadar tarif industri elektrik untuk faedah semua pengguna, perdagangan perusahaan dan perlombongan. Dengan langkah ini faedah pengurangan dari 5% hingga 12% akan diberi bagi sektor perdagangan dan faedah dari 4% hingga 15% akan diberi bagi sektor perusahaan dalam bil bulanan mereka.
- (ii) Pengurangan kadar panggilan telefon luar negeri di antara 10% hingga 55%. Pengguna-pengguna telefon di Malaysia kini boleh membuat panggilan luar negeri terus tanpa melalui telefonis dengan menggunakan kemudahan antarabangsa terus dail A.T.D, panggilan A.T.D lebih cepat dan 1/3 lebih murah daripada kadar biasa.
- (iii) Pengurangan kadar bayaran teleks dalam dan luar negeri. Kadar bayaran teleks daripada Semenanjung ke Sabah dan sebaliknya dikurangkan sebanyak 66% manakala ke Sarawak dan sebaliknya dikurangkan sebanyak 50%, bayaran teleks ke luar negeri dikurangkan di antara 33% hingga 67%; dan
- (iv) Melaksanakan Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport (Eksport

Credit Refinancing) yang akan memberi para pengeksport kredit dengan kadar kaedah utama yang mudah untuk membantu mereka di pasaran antarabangsa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 17 adalah diberi di bawah ini).*

### KEBEBASAN AGAMA DI SEKOLAH-SEKOLAH

**14. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada jaminan perlembagaan tentang kebebasan agama diamal di sekolah-sekolah, khususnya di sekolah-sekolah di luar bandar yang mana sering diadu oleh ibubapa-ibubapa bahawa anak-anak mereka dikena tukar agama tanpa pengetahuan atau keizinan mereka.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebebasan beragama di kalangan warganegara Malaysia seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negara adalah diamalkan di sekolah-sekolah bandar dan luar bandar. Setakat ini, Kementerian Pelajaran tiada menerima sebarang aduan dari ibubapa murid-murid sekolah bantuan penuh Kerajaan yang anak mereka dipaksa bertukar agama oleh mana-mana pihak tanpa pengetahuan atau keizinan mereka.

### NATIONAL SERVICE

**15. Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab tidak diperkenalkan sistem "National Service" untuk pemuda-pemuda semua masyarakat untuk bersatupadu dalam negara kita

memandangkan jumlah yang begitu besar akan dibelanjakan untuk membesarkan pasukan tentera kita sedangkan sistem tersebut boleh menjadi satu aktiviti yang lebih berkesan untuk masyarakat dan negara kita.

8-12-86

**13. Tuan P. Patto** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan akan memperkenalkan perkhidmatan negara (national service) bagi semua rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas, jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pada 8hb Disember, 1986 kerana kedua-dua soalan ini membawa maksud yang hampir sama.

Kerajaan masih berpendapat Rancangan mewajibkan rakyat di dalam "Perkhidmatan Negara" (Nasional Service) masih belum sesuai lagi diadakan di negara ini. Implementasi mewajibkan rakyat untuk berkhidmat di dalam "National Service" akan memerlukan banyak wang dan kakitangan. Dengan keadaan kemelesetan ekonomi sekarang nampaknya tidak ada peluang langsung untuk mengadakan rancangan ini, sebaliknya itu pula Kerajaan kita yakin Angkatan Tentera yang ada sekarang mempunyai kemampuan untuk menghadapi sebarang kemungkinan tanpa memerlukan kerahan tenaga seluruh rakyat. Kerajaan tidak berhajat untuk memaksa rakyat berkhidmat dalam Angkatan Tentera, kerana pertahanan negara adalah tanggungjawab semua warganegara yang cintakan tanahairnya. Walau bagaimanapun peluang untuk rakyat berkhidmat dalam Angkatan Tentera sama ada

dalam pasukan tetap dan sukarela iaitu seperti P.S.T.D. sentiasa terbuka untuk mereka yang berminat tanpa sebarang paksaan.

Untuk melibatkan semua lapisan masyarakat dalam kegiatan ketenteraan sebagai sumbangan terhadap pertahanan negara, pemuda-pemudi digalakkan untuk mendaftar diri sebagai anggota sukarela dalam askar wataniah (PSTD), Pasukan Simpanan Sukarela TLDM dan Pasukan Simpanan Sukarela TUDM. Adalah menjadi harapan Kementerian Pertahanan supaya bilangan anggota simpanan sukarela melebihi dari anggota tentera biasa.

### SISTEM HAD LAJU

**16. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Pengangkutan menjelaskan mengenai pelaksanaan/penguatkuasaan Sistem Had Laju, sejauh ini apakah ianya dipatuhi dan berapakah bilangan mereka yang melanggar peraturan ini.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Dr Ling Liong Sik):** Arahan pelaksanaan Sistem Amaran Had Laju adalah telah dipatuhi, sehingga hari ini sebanyak 56,000 buah kenderaan berat 4,500 kg. dan ke atas yang diwajibkan memasang alat amaran had laju telah pun dipasang dengan alat ini diseluruh Semenanjung Malaysia semenjak keperluan ini dikuatkuasa mulai 1 Januari 1986.

Bilangan mereka yang melanggar peraturan ini dalam tempoh yang sama ialah sebanyak 287.

### PERSATUAN MANDARIN UNIVERSITI MALAYA

**17. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sudah bersetuju membolehkan Persatuan Mandarin

Universiti Malaya mengadakan kegiatan di kampus seperti persatuan-persatuan yang lain di mana persatuan ini sudah pun digantung aktiviti sejak 12 tahun lalu.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Kementerian Pelajaran masih mengkaji dan meneliti permohonan bagi mewujudkan Persatuan Bahasa Mandarin Universiti Malaya. Perlu dijelaskan bahawa Persatuan Bahasa Mandarin Universiti Malaya tidak pernah ditubuhkan di Universiti Malaya, oleh itu aktiviti-aktivitinya memang tidak pernah digantung sejak 12 tahun yang lalu seperti dakwaan Ahli Yang Berhormat.

## USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

### PENAHANAN DOKTOR DAN PEMBANTUNYA DI PENJARA PUDU—BANDUAN

3.35 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun meminta kebenaran di bawah seksyen 18 (1) Peraturan-peraturan mesyuarat Dewan Rakyat, untuk mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat dengan tujuan hendak merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan; yang berkaitan dengan penahanan dua orang tebusan oleh 6 orang banduan remand di Penjara Pudu.

Bahawa perkara ini dianggap tertentu kerana pada 17-10-1986 lebih kurang jam 9.30 pagi sekumpulan enam orang banduan yang bersenjatakan alat-alat yang tajam telah menahan seorang doktor dan pembantunya, tatkala

dua orang itu sedang memeriksa seorang pesakit banduan di Klinik Penjara Pudu dan mengikat mereka sebagai tebusan. Doktor tersebut dikenali sebagai Dr Radzi Jaafar seorang pakar penyakit kulit dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan pembantunya Encik Abdul Aziz Abd. Majid, Ahli Teknologi Makmal Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bahawa perkara ini berkehendak disegerakan, kerana dua nyawa yang terlibat dan berada dalam bahaya, dan sehingga sekarang tebusan itu masih di tahan dan memasuki hari yang kelima.

Dewan Parlimen hendaklah membincang dan merunding perkara ini atas kepentingan orang ramai dan mencari apakah yang menjadi sebab-musabab, yang memulakan kejadian ini dan bagaimana ianya boleh dicegah pada masa yang akan datang.

Bahawa perkara ini berkenaan kepentingan orang ramai, kerana sejak kejadian ini bermula perhatian orang ramai tertumpu ke atas apa yang disifatkan sebagai kejadian pertama dalam sejarah penjara di Malaysia, dan orang ramai merasa bimbang sama ada perkara ini boleh diselesaikan secara teratur dan tenang untuk menjamin pembebasan tebusan dibuat menerusi perundingan dan tanpa perlu menggunakan apa-apa kekerasan.

Kami mencadangkan:

Bahawa sebuah Jawatankuasa hendaklah ditubuhkan dengan segera bagi mengkaji dan menyiasat keadaan di dalam penjara, untuk meneliti tentang seriusnya masalah kesesakan dalam penjara dan mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasinya.

Jawatankuasa hendaklah juga meneliti kuasa-kuasa di bawah budibicara Peguam Negara dalam menentukan tuduhan di bawah Akta Senjatapi (Penambahan Hukuman), atau Akta Senjatapi atau Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Usul dari Yang Berhormat Wakil dari Bukit Bintang seperti yang telah dibentangkan olehnya sekejap tadi.

Saya telah meneliti isi Usul itu dan berpendapat bahawa Usul seperti ini untuk diluluskan hendaklah memenuhi tiga syarat iaitu:

- (a) perkara tertentu;
- (b) kepentingan orang ramai;
- (c) berkehendak disegerakan.

Adalah diakui bahawa apa yang sedang berlaku di dalam Penjara Pudu itu adalah satu perkara kepentingan orang ramai, yang amat mendukacitakan dan juga membimbangkan. Tetapi Usul yang ada di hadapan kita ini bukanlah boleh dikatakan satu perkara yang tertentu, kerana sungguhpun preambelnnya ada menyatakan berkenaan dengan kejadian tebusan di dalam penjara itu, akan tetapi permohonan yang dibuat di bawah Usul itu ialah supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa menyiasat berkenaan dengan keadaan penuh sesak banduan-banduan di dalam penjara dan untuk meneliti kuasa-kuasa Peguam Negara bagi menentukan tuduhan-tuduhan di bawah Akta Senjatapi dan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Jika sekadar hendak menubuhkan satu jawatankuasa seperti yang dicadangkan itu bukanlah menjadi satu faktor yang berkehendak disegerakan yang boleh dibincangkan

di bawah Peraturan Mesyuarat 18. Untuk mengelakkan apa-apa salah faham daripada keputusan yang saya akan buat ini, saya suka menyatakan berkenaan dengan kejadian di dalam Penjara Pudu itu di mana dua orang awam telah dijadikan tebusan adalah mendapat simpati dari segenap lapisan rakyat dan segala ikhtiar untuk mengelakkan apa-apa kejadian yang buruk berlaku hendaklah diambil. Tetapi seperti yang saya katakan tadi jika sekadar hendak membahas untuk menubuhkan satu jawatankuasa untuk menyiasat keadaan di dalam penjara dan masalah kesesakan dan berkenaan dengan kuasa-kuasa Peguam Negara tidaklah boleh dikatakan perkara yang tertentu untuk menyelesaikan masalah pokok yang sebenar.

Saya juga diberi tahu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Dalam Negeri, pihak polis sedang berikhtiar menjalankan segala daya upaya untuk menyelesaikan soal ini dan apa-apa gangguan dan rupa bentuk tekanan politik (political pressure) yang bukan menurut peraturan tidak akan memberi apa-apa faedah untuk menyelesaikan keadaan, tetapi sebaliknya akan membuat pegawai-pegawai yang sedang bertugas itu di dalam keadaan serba salah dan membuat kerja-kerja mereka menjadi lebih rumit lagi. Oleh sebab permohonan untuk menubuhkan jawatankuasa itu bukanlah satu perkara yang tertentu, saya dengan ini menolak usul ini. (*Tepuk*).

**Tuan Lee Lam Thye:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak bolehlah dibincangkan lagi dalam perkara ini.

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya hendak terangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh, tidak payah terangkan.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perkhidmatan bagi tahun 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG BIL PERBENDAHARAAN (TEMPATAN) PINDAAN

*Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga*

3.42 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ng Cheng Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan), 1946" dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang berkenaan adalah bertujuan meminda jumlah maksimum Bil-bil Perbendaharaan yang boleh dikeluarkan oleh Kerajaan di bawah Akta tersebut, iaitu daripada \$3,000 juta kepada \$5,000 juta. Had berkanun sekarang sebanyak \$3,000 juta, yang diluluskan oleh Parlimen pada bulan Julai, 1977, telah pun digunakan sepenuhnya.

Di dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan merancang untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dengan melaksanakan berbagai

projek pembangunan, khususnya projek-projek yang membawa kebaikan kepada orang ramai. Pelaksanaan rancangan-rancangan ini sudah tentu memerlukan jumlah kewangan yang besar daripada Kerajaan. Salah satu sumber kewangan tempatan yang boleh diperolehi oleh Kerajaan ialah pinjaman melalui pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan. Oleh kerana Bil-bil Perbendaharaan merupakan sumber kewangan jangka pendek yang boleh diperolehi pada kadar faedah yang rendah, iaitu dalam lingkungan 4.0-5.0% setahun, adalah wajar bagi Kerajaan untuk terus meminjam melalui pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan untuk menampung kekurangan tunai jangka pendek yang dihadapi dari masa ke semasa. Memandangkan jumlah pinjaman yang boleh diperolehi oleh Kerajaan di bawah Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 telah pun mencapai had berkanun, iaitu sebanyak \$3,000 juta, maka had berkanun tersebut perlulah dipinda sewajarnya untuk memenuhi keperluan kewangan Kerajaan di dalam tempoh RML.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan adalah juga bertujuan memenuhi keperluan kecairan bagi institusi-institusi kewangan. Bil-bil Perbendaharaan adalah merupakan satu "instrument" kewangan yang penting bagi kegiatan pasaran kewangan tempatan jangka pendek di negara ini. Untuk menentukan supaya pasaran kewangan terus berkembang, jumlah Bil-bil Perbendaharaan adalah perlu ditambah dari masa ke semasa untuk memenuhi keperluan pasaran.

Berasaskan kepada kenyataan-kenyataan yang disebutkan di atas, adalah difikirkan wajar dan perlu supaya had berkanun Bil-bil Perbendaharaan yang ada sekarang, iaitu sebanyak \$3,000 juta dinaikkan kepada \$5,000 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Ng Cheng Kuai):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Seremban.

3.38 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit pandangan di atas Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan), 1946.

Tuan Yang di-Pertua, Pindaan ini adalah untuk membolehkan Bil-bil Perbendaharaan meningkatkan pinjaman maksimum daripada \$3,000 juta sampai \$5,000 juta. Oleh kerana Kerajaan menghadapi kekurangan kewangan untuk membiayai Rancangan Malaysia Kelima, penambahan \$2,000 juta lagi perlu dicari. Akta Bil Perbendaharaan telah dibuat pertama kalinya diluluskan pada tahun 1946 dan semenjak itu tidak pernah dipinda. Kebelakangan ini ia telah mengumpulkan abuk di Arkib Perbendaharaan. Oleh kerana tiada berpeluang untuk menerbitkan lebih banyak Bil Perbendaharaan demi meningkatkan kewangan bagi perbelanjaan Kerajaan. Wang bagi perbelanjaan Kerajaan datang daripada cukai-cukai dan pinjaman-pinjaman daripada orang-orang awam seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta dari sumber-sumber asing. Semua wang ini sebenarnya cukup kerana kedua-dua perbelanjaan Kerajaan dan hutang adalah dihadkan pada satu tahap kemampuan, tetapi pada tahun-tahun

kebelakangan ini gambaran ini telah berubah. Kedua-dua perbelanjaan dan hutang negara telah bertambah dengan cepat. Kerajaan kita telah mengalami kesulitan untuk mendapatkan wang untuk membayar perbelanjaan semasa serta untuk pembangunan. Masalah ini bertambah teruk oleh kemelesetan ekonomi di mana tanda-tanda penamatan masih belum dapat dilihat. Beberapa perangkaan akan menunjukkan betapa teruknya hutang kewangan kita. Hingga akhir tahun 1986 hutang tempatan adalah sebanyak \$43 billion dan hutang asing dianggarkan lebih kurang \$45 billion hingga \$46 billion. Justeru itu, jumlah hutang negara akan mendekati angka \$90 billion.

Hutang-hutang ini perlu dilayan dengan membayar faedah dan bunga-bunga lebih kurang 25% perbelanjaan semasa, dengan izin, operating expenditure, adalah untuk melayani hutang awam; 25% dari tiap-tiap ringgit telah dianggarkan untuk membayar hutang. Melayani hutang-hutang asing telah tiba ke satu tahap tenat di mana dia menggunakan 20% jumlah pendapatan eksport kita. Ini bermakna bagi setiap ringgit yang kita dapat daripada eksport 20 sen telah dianggarkan untuk membayar faedah dan bunga ke atas \$45 billion itu.

Adalah menjadi amat sukar untuk melayani hutang-hutang ini memandangkan bahawa terdapat kejatuhan teruk dalam harga minyak dan lain-lain komoditi. Banyak ahli bank mendakwa bahawa negara kita sekarang melayani hutang-hutang asing melalui skim-skim, dengan izin, refinancing, yang bermakna bahawa hutang-hutang itu telah dijadikan semula walaupun ini telah dinafikan oleh Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berkelam-kabut mencari wang untuk pembangunannya sekarang. Hutang awam adalah sangat banyak. Liquidity adalah ketat oleh kerana cengkaman

kemelesetan ekonomi. Pertambahan cukai-cukai ke atas rakyat jelata tidak akan diterima. Pinjaman daripada seberang laut akan menambahkan masalah kita dalam melayani hutang tetapi wang harus dicari untuk pembangunan untuk Rancangan Malaysia Kelima.

Sekiranya masalah kewangan tidak dapat diselesaikan maka huru-hara, sosio dan ekonomi akan wujud. Dalam keadaan putus asa Kerajaan harus mengalir keluar Akta Bil-bil Perbendaharaan 1946 daripada Arkib demi diserahkan kepada Dewan ini untuk dipindahkan.

Inilah satu tindakan putus asa seperti mengikot di bawah tong, dengan izin, scrape the bottom of the barrel. Tuan Yang di-Pertua, apakah kesan dinilai daripada pindaan ke atas Akta Bil Perbendaharaan. Penambahan \$2,000 juta dalam Bil Perbendaharaan mesti disertai bersama dengan penambahan dalam asset demi membantu Bil Perbendaharaan yang baru ini. Simpanan Nasional adalah dalam Lingkungan \$13 billion atau \$14 billion dan baru-baru ini tiada apa lompatan dalam anggaran \$2 billion. Tahun ini kita mendapat satu Belanjawan kekurangan sekurang-kurangnya \$3 bilion. Pelaburan asing pada tahun ini telah tergelincir dan syarikat-syarikat asing cuma mahu mendapatkan modal-modal mereka mengalir ke luar negeri.

Dalam perkataan lain, tiada satu sokongan kuat atau asset, dengan izin, ke atas \$2 bilion Bil Perbendaharaan baru ini. Ini akan dianggap sebagai wang kertas dalam pasaran. Ini akan menunjukkan satu kesan negatif ke atas ekonomi dan nilai ringgit ke atas penukaran asing barangkali jatuh.

Inflasi akan wujud sekiranya Kerajaan mencetak wang tanpa apa-apa sokongan atau basis, dengan izin. Mencetak lebih banyak wang melalui Bil Perbendaharaan itu sebenarnya

bukanlah jawapan kepada hutang awam, yang tinggi serta kemiskinan nasional. Untuk mengembalikan bentuk kewangan yang sihat sebab-sebab mesti dicari dan dibersihkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kebimbangan lain berkenaan perpindahan ini ialah ia akan bertanding dengan sektor awam untuk tabung-tabung kewangan. Wang adalah sangat ketat di dunia perniagaan pihak swasta dan penerbitan \$2 bilion Bil Perbendaharaan akan menjadi keadaan ini menjadi lebih ketat. Justeru itu kadar-kadar bunga akan naik dan ini akan mengelakkan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu memberi sebab-sebabnya untuk hutang awam yang tinggi. Tuan Yang di-Pertua, negara Taiwan sebuah negara sebesar Pahang dan cuma mempunyai sebahagian sahaja sumber alam Malaysia adalah sebuah negara yang berjaya yang mempunyai simpanan asing jauh lebih daripada Malaysia dan lain-lain negara di Asia Tenggara. Kebanyakan penukaran asing yang diuntukkan oleh Malaysia dibazirkan. Perbelanjaan yang membazir itu di atas benda-benda kemewahan dan projek-projek prestige adalah tingkah laku buruk Barisan Nasional sekarang dan penarikan pada masa dahulu.

Perbelanjaan yang membazirkan adalah ekor dari perjumpaan minyak, dengan harga minyak setinggi US\$30 satu tong, semua ingatan untuk berjimat cermat telah dilupakan. Kerajaan tiada apa-apa ingatan hendak menyimpan untuk hari hujan. Oleh kerana inilah tiada wang langsung dalam Perbendaharaan untuk pembangunan dalam kemelesetan ini. Sebanyak \$400 juta telah dibiayai untuk membina Dayabumi yang dianggap sekarang sebagai seekor gajah putih. \$850 juta telah dibelanjakan untuk membina

Jambatan Pulau Pinang di mana mengutip tahunan tidak cukup untuk membayar bunga-bunga pinjaman, tidak perlu lagi sebut bayaran ke atas kosnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa Off Budget Agencies (OBA) telah mengalir keluar banyak wang yang dianggarkan sebanyak \$2 billion. Hanya beberapa agensi sahaja seperti MAS, Telekom dan LLN yang berjaya. HICOM masih belum menunjukkan apa-apa kejayaan. Kedua-dua besi dan simen yang dibuatnya itu cuma dipasarkan di tempatkan dengan harga yang jauh lebih tinggi daripada bahan-bahan yang sama diimport.

Kereta Proton Saga telah menawan pasaran untuk kereta di bawah 2000 c.c. tetapi jumlah pasaran tetapnya adalah terlalu kecil. Ia perlu menembusi pasaran-pasaran lumayan di Amerika Syarikat, Canada dan Eropah. Semua projek ini adalah capital intensive, dengan izin, dan telah diberi bantuan kewangan melalui bebanan-bebanan pembayar-pembayar cukai.

Satu contoh yang baik adalah skandal BMF di mana negara kehilangan \$2.5 bilion oleh kerana ketamakan segelintir pegawai-pegawai BMF dan pendukung-pendukungnya di tempat-tempat atas. Dua misalan perjudian oleh pemimpin politik telah membuktikan betapa mahalnya ke atas pembayar-pembayar cukai. Pertama ialah skandal pasaran timah di London di mana MAMINCO cuba memanipulasikan pasaran tetapi gagal dan sekurang-kurangnya \$1 bilion telah lenyap. Perdana Menteri telah menerangkan bahawa MAMINCO cuba menaikkan harga timah demi kebaikan negara tetapi ini lebih menyerupai spekulasi atau perjudian.

Kedua ialah arahan yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan pada bulan November lalu ke atas

institusi-institusi Kerajaan untuk membeli saham-saham dalam pasaran saham demi meninggikan nilai harga-harga saham. Lebih kurang \$1 bilion telah dilaburkan. Harga-harga saham meningkat untuk sementara waktu. Pelabur-pelabur asing menjual saham mereka. Harga-harga saham jatuh dan institusi-institusi tempatan termasuk EPF hilang berjuta-juta ringgit.

Satu langkah yang bodoh dan kurang nasihat seperti ini memberi satu kemakmuran besar kepada orang-orang asing ke atas bebanan institusi-institusi tempatan dan pelabur-pelabur kecil. Menteri-menteri yang memainkan peranan dua sebagai Menteri dan ahli perniagaan akan menggoncangkan keyakinan pelabur. Ini akan menyebabkan conflict kepentingan.

Penglibatan Menteri Kewangan dengan UMBC melalui dua syarikat keluarganya ialah satu contoh yang baik. Persoalannya di sini ialah sama ada Menteri Kewangan menggunakan kedudukannya untuk mendapat sesuatu pengawalan kepentingan dalam UMBC. Ketulusan para Kabinet telah dikompromisekan oleh skandal UMBC. Sebaliknya tiada keperluan untuk menyalahkan plot Zionist itu, tiada keperluan juga untuk menggantung *Asian Wall Street Journal* dan mengusirkan kedua-dua para wartawanannya. Adakah kita begitu kaya dan penuh dengan tunai sehingga kita boleh menamatkan pelaburan asing terutama pelaburan daripada Amerika Syarikat? Perkara yang wajib untuk diperhatikan sekarang ialah untuk menubuhkan satu suruhanjaya siasatan demi mengumumkan kebenaran yang sebenarnya itu.

Tuan Yang di-Pertua, wang-wang daripada perpindahan ke atas Akta Bil Perbendaharaan ini tidak harus digunakan untuk membiayai pembelian saham-saham UMBC oleh PERNAS daripada kedua-dua anak

syarikat Menteri Kewangan. Kedudukan kewangan PERNAS adalah lemah. Rekod syarikatnya pada tahun lalu menunjukkan bahawa ia rugi sebanyak \$32 juta. Ia berhutang sebanyak \$1 billion. Sepanjang 7 bulan yang lalu ia telah meminjam dengan banyak, sebanyak \$215 juta. Cadangan pembelian saham-saham dalam UMBC daripada kedua-dua anak syarikat Menteri Kewangan dianggar sebanyak \$133 juta. Dalam lingkungan harga \$9.50 satu saham, maka ini adalah dua kali lebih harga yang ditawarkan kepada PERNAS dalam tahun 1985. Untuk membiayai pembelian PERNAS mesti meminjam oleh kerana ia sekarang banyak berhutang. PERNAS mesti menarik daripada pembelian ini oleh kerana kedudukan kewangannya tidak memadai berbuat demikian. Wang-wangnya datang dari tabung-tabung awam dan tabung-tabung awam adalah kekurangan. Tabung-tabung wang awam sebegini yang ada harus disalurkan kepada program-program pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Peruntukan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri telah dikurangkan oleh Perdana Menteri. Beliau mengurangkan perbelanjaan negeri ini supaya, kata dia, kita tidak akan dipaksa untuk meminjam wang. Dalam keadaan sebegini PERNAS mesti menarik diri dari dalam pembelian ini, sekiranya tidak, ia pasti akan membahayakan lagi kedudukan kewangannya. Untuk meneruskan pembelian, bermakna ia mesti meminjam dan ini akan menyangkal tujuan Akta Bil Perbendaharaan dipindahkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu faktor untuk mempengaruhi seorang pelabur sama ada tempatan atau asing untuk melaburkan wangnya di dalam satu-satu negara ialah ketulusan dan stabiliti sistem kewangan dan urusan bank, tetapi tempoh-tempoh

kebelakangan ini skandal-skandal yang melibati beberapa bank telah mengikikiskan imej sistem bank dan persoalan yang ditanyakan sama ada sistem kewangan kita telah diawasi serta diurus dengan keberkesanan.

Tuan Yang di-Pertua, campurtangan politik adalah bertanggungjawab ke atas beberapa skandal bank, terutama Bumiputra Malaysian Finance dan UMBC skandal. Bank Bumiputra pada awalnya telah dikawal terus oleh Perdana Menteri. Itulah sebabnya mengapa Tengku Razaleigh mengatakan bahawa BMF bukanlah tanggungjawabnya apabila beliau menjadi Menteri Kewangan. Selepas pembongkaran skandal BMF, Bank Bumiputra telah dipotfoliokan di bawah Menteri Kewangan. Oleh kerana asal-usul politik dan latar belakang BMF itu maka pegawai-pegawainya mengawasi dengan ketat tanpa apa-apa arahan Bank Negara. Pegawai-pegawai Bank Negara menghadapi kesulitan dengan Bank Bumiputra. Hanya selepas pendedahan skandal ini di akhbar-akhbar barulah Bank Negara menghantar satu rombongan siasatan ke Hong Kong.

Beralih kepada skandal UMBC, pegawai-pegawai Bank Negara berada dalam keadaan kebingungan ke atas persoalan konflik kepimpinan di dalam pembelian dan pengawalan UMBC oleh kedua-dua anak syarikat Menteri Kewangan itu. Sehingga hari ini Gabenor Bank Negara telah berdiam diri sama ada Kabinet boleh meluluskan pembelian saham UMBC oleh anak-anak syarikat Menteri Kewangan di mana Akta Bank 1973 menyatakan bahawa apa-apa penjualan saham dalam satu bank yang mengganggu pengawalan mesti diluluskan oleh Menteri Kewangan atas pengesahan Bank Negara.

Sekarang adalah masalah untuk mengadakan pembaharuan ke atas kawalan serta nasihat dan pengurusan bank tidak harus dipaksa mengikuti arahan dan nasihat ahli politik, seperti sistem pengadilan Bank Negara mesti bersikap berkecuali dan bebas daripada kawalan politik dan tidak harus dijadikan kedai gadai oleh ahli-ahli politik dan demi kepentingannya. Jadi, ketulusan dan imej sistem kewangan dan bank itu boleh disembuhkan hanya apabila Gabenor Bank Negara itu bukan seorang perlantikan politik. Beliau berada di situ untuk mengarah sistem kewangan demi kepentingan rakyat dan bukan untuk kepentingan mana-mana satu parti politik.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, tugas utama bagi negara ialah melaksanakan apa-apa yang diperlukan untuk merangsang pemulihan ekonomi serta mewujudkan lebih banyak kerja bagi beribu-ribu mereka yang menganggur. Sektor kewangan dan bank boleh memainkan satu peranan penting dalam mengarahkan semua sumber kewangan yang sedia ada demi memperbaiki ekonomi. Pinjaman daripada negara-negara asing adalah tidak sesuai. Demi mencapai peranan ini, Bank Negara mesti melakukan 3 perkara:

- (1) memoden serta memperkemaskan lagi sistem institusi-institusi kewangan, bank-bank, syarikat kewangan dan koperasi yang sedia ada itu;
- (2) memperkuatkan disiplin melalui satu jemaah pemeriksa yang berkelayakan, terlatih serta mempunyai pengetahuan-pengetahuan yang tinggi dalam undang-undang bank dan perniagaan; dan

- (3) melihat bahawa perkhidmatan-perkhidmatan kewangan, dengan izin, financial services dapat disalurkan kepada rakyat umum seperti, dengan izin, supermarket, membekalkan perkhidmatan kepada pengguna-pengguna biasa.

Ini bermakna bahawa bank-bank tidak harus mengadakan monopoli untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan kewangan. Institusi-institusi lain seperti koperasi dan syarikat-syarikat saham dalam pasaran saham mesti dibenarkan membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan kewangan kepada pelanggan-pelanggannya. Cogankata sekarang mesti berbunyi:

“Menggalkan sumber-sumber tidak harus meminjam lagi”.

Demikianlah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

4.08 ptg.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman (Ledang):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk bangun membahaskan dan seterusnya untuk menyokong satu Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bil Perbendaharaan Tempatan 1946. Pindaan yang kita maksudkan ialah untuk menggantikan perkataan \$3,000 juta kepada \$5,000 juta.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah difikirkan perlu walaupun telah digubal pada tahun 1946, lebih kurang 40 tahun yang lalu tiba masanya untuk difikirkan dipinda menurut peredaran masa dan keperluan masa dan juga masalah-masalah yang kita hadapi pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini wajar dilihat dari segi suasana yang ada pada hari ini. Yang pertamanya, ialah wujudnya satu kesempitan kewangan di sektor awam yang mungkin membawa kepada keadaan

perbelanjaan semasa akan melebihi daripada hasil yang dapat dipungut dan keadaan di mana pihak Kerajaan mengambil langkah yang wajar untuk mengurangkan pinjaman daripada luar negeri, maka dengan itu perlulah peruntukan yang baru untuk menambah sumber kewangan daripada pasaran tempatan.

Satu suasana yang kita hadapi sekarang ini ialah keadaan kecairan di pasaran wang dan modal yang dikatakan tidak menggalakkan di mana kecairan itu dikatakan tegang, oleh yang demikian kadar faedah adalah tinggi bahkan ekses untuk membuat pinjaman juga adalah terhad dan menyebabkan tingkat pelaburan tidak tinggi seperti yang kita semua harapkan. Maka satu lagi sebab mengapa pindaan ini perlu ialah untuk mewujudkan satu keadaan kecairan yang lebih menggalak lagi dalam pasaran wang dan modal di negara kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini berdasarkan kepada hujah-hujah seperti berikut:

Pertamanya, seperti yang saya katakan tadi untuk meningkatkan peruntukan bagi pihak Kerajaan meminjam dari pasaran tempatan untuk jangka masa yang pendek, daripada 3 bulan, 6 bulan dan paling lama adalah untuk 19 bulan yang boleh dipinjam melalui bil-bil Perbendaharaan ini.

Keduanya, ialah untuk meningkatkan tahap kecairan pasaran wang dan modal.

Ketiganya, saya ingin berhujah mengatakan bahawa pindaan ini akan menyediakan ataupun mewujudkan satu suasana di mana kuasa-kuasa ataupun market forces dalam pasaran akan dapat beroperasi semoga angka tunjuk-angka tunjuk dalam bentuk permintaan dan penawaran dan harga-harga terhad bil-bil Perbendaharaan

ataupun saham-saham yang ada dalam pasaran akan dapat memainkan peranan.

Pada keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa pindaan ini akan dapat apa yang diperkatakan melebarkan kewangan dan mendalamkan kewangan di dalam sistem pasaran wang dan modal di negara kita ini ataupun istilah yang biasa digunakan ialah financial deepening dan juga financial widening di dalam pasaran wang dan modal di negara kita ini dan ini adalah satu langkah yang baik yang sepatutnya dibuat daripada semasa ke semasa. Dalam sebuah ekonomi yang sentiasa berkembang maka penglebaran dan seterusnya pendalaman kewangan di dalam sesuatu pasaran wang dan modal adalah suatu langkah yang sepatutnya kita alu-alukan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada perkara yang pertama iaitu pinjaman Kerajaan. Kita sedia maklum bahawa bil Perbendaharaan ini biasanya dijual kepada bank-bank perdagangan dan daripada maklumat yang dapat saya kesan daripada jumlah lebih kurang \$3,000 juta yang dipinjam melalui bil Perbendaharaan, lebih kurang 80% daripadanya adalah dimiliki oleh bank-bank perdagangan. Jadi tidak timbul soal sama ada bil Perbendaharaan ini digunakan oleh pihak Kerajaan untuk meminjam dengan cara mengecap wang kerana pinjaman itu disalurkan daripada bank perdagangan berdasarkan kepada simpanan yang dibuat oleh masyarakat dan disalurkan kepada pihak Kerajaan melalui Bank Negara yang menyelenggarakan bil-bil tersebut.

Kita sedar bahawa tingkat maksimum iaitu \$3,000 juta telah pun digunakan pada tahun 1986 ini. Ini bermakna bahawa tidak ada ruang lagi untuk pihak Kerajaan meminjam melalui bil Perbendaharaan ini. Dan di

dalam Huraian Rang Undang-undang ini kita dapati bahawa \$2,000 juta ini akan digunakan untuk tujuan menyelenggarakan pembiayaan Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengandaikan dan sesungguhnya yakin bahawa pinjaman yang akan dibuat melalui peruntukan pindaan ini akan digunakan untuk tujuan-tujuan pembangunan. Maka dengan itu tidak timbul soal sama ada pembaziran akan dibuat ataupun tidak dan kalau kita sentiasa memastikan bahawa pinjaman yang dibuat itu adalah untuk pembangunan, maka kapasiti ekonomi negara kita pada masa-masa akan datang akan dapat diperkembangkan dan dengan cara begitu bahawa keupayaan untuk siapa yang meminjam dan dalam hal ini Kerajaan yang meminjam mewujudkan keupayaan untuk membayar berdasarkan kepada meningkatnya keupayaan ekonomi pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu kita semua sedar bahawa adanya kemungkinan perbelanjaan semasa akan melebihi daripada hasil semasa. Oleh yang demikian, kita menyarankan di sini bahawa peruntukan untuk meminjam melalui bil Perbendaharaan ini tidak akan dengan mudah digunakan untuk membiayai lebih perbelanjaan semasa tersebut kerana kita tidak akan mengizinkan suasana itu wujud di dalam pengurusan ekonomi negara kita dan sekiranya timbul masalah lebih perbelanjaan semasa, maka sewajarnya Kerajaan mengambil langkah-langkah yang patut untuk mengubah keadaan tersebut supaya hasil itu sekurang-kurangnya dapat membiayai perbelanjaan semasa sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada prasangka yang biasanya timbul apabila pihak

Kerajaan meminjam, iaitu kemungkinan berlakunya kesan-kesan inflasi melalui pinjaman dan juga perbelanjaan yang dibuat oleh Kerajaan.

Pertamanya, jumlah \$3,000 juta yang telah dipinjam. Untuk makluman Dewan ini adalah merupakan \$7.7% sahaja daripada jumlah pinjaman Kerajaan daripada sumber-sumber tempatan dan jika sekiranya jumlah \$2,000 juta itu akan digunakan dalam masa beberapa tahun akan datang ini, saya menjangka bahawa jumlah pinjaman melalui bil Perbendaharaan tidak akan melebihi daripada 10% daripada jumlah pinjaman daripada sumber-sumber pendapatan. Jadi, kalau sekiranya timbul prasangka ini maka tidaklah wajar. Dan kita bercakap tentang soal pinjaman melalui bil Perbendaharaan ini dalam suasana ekonomi meleset di mana masalahnya ialah kurangnya kecairan dan tidak wujudnya masalah inflasi dalam ekonomi negara kita, maka prasangka ini adalah tidak berasas sama sekali, apatah lagi seperti yang saya katakan tadi bahawa kita meminjam melalui bil Perbendaharaan ini bukan melalui mengecap wang dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada pindaan ini daripada kaca mata bank perdagangan. Peruntukan ini akan meluaskan lagi ruang untuk bank memberi pinjaman kepada Kerajaan dan sambil itu memastikan bahawa risiko yang ditanggungnya adalah sentiasa terjamin dan mendapat faedah yang sewajarnya seperti yang disebutkan oleh Timbalan Menteri di antara 4% hingga 5%. Walaupun kadar faedah antara 4% hingga 5% tidaklah sebegitu tinggi, tetapi kita sedia maklum bahawa pinjaman yang diberikan oleh bank perdagangan kepada Kerajaan adalah satu bentuk pinjaman yang amat terjamin dalam keadaan yang seperti kita rasakan di

sekeliling kita tidak kira sama ada pinjaman itu kita berikan kepada bank ataupun apa juga institusi-institusi perniagaan yang ada di dalam sesebuah ekonomi.

Sambil memberi pinjaman dan mendapat faedah yang dibayar dalam jangka masa 3 bulan, 6 bulan ataupun 12 bulan, pindaan ini memberi kemudahan yang paling diperlukan ataupun diminati oleh bank-bank perdagangan iaitu adanya ruang untuk mudah-tunai kepada bank-bank perdagangan kerana pinjaman yang dibuat adalah pinjaman dalam jangka masa yang pendek dan dengan adanya peruntukan seperti begini maka bank-bank perdagangan bukan sahaja dapat memberi pinjaman dan memastikan kecairannya, tetapi sambil itu pula dapat memenuhi keperluan Bank Negara dari segi keperluan simpanan ataupun resab berkanun yang diperlukan oleh Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada satu perkara lagi yang biasanya menjadi satu prasangka apabila Kerajaan meminjam daripada pasaran tempatan iaitu akan menjejaskan keupayaan pihak swasta untuk meminjam, ataupun dalam istilah teknikal yang biasa digunakan ialah "the crowding of effects" jika sekiranya Kerajaan meminjam daripada pasaran tempatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat Bil Perbendaharaan ini dalam satu rangka apa yang saya katakan satu spectrum instrument kewangan yang sewajarnya wujud dalam sesebuah ekonomi, ataupun alat-alat kewangan yang sewajarnya wujud dalam sesebuah ekonomi. Kita bermula daripada instrument yang paling tinggi mudah-tunainya iaitu apa yang dipanggil "wang bermalam" yang diikuti dengan "wang panggilan" untuk selama 7 hari ataupun saham ataupun sekuriti selama untuk sebulan

ataupun dalam bentuk simpanan tetap 1, 2, 3 dan seterusnya kepada 12 bulan dan kita beralih pula daripada instruments ataupun alat-alat kewangan itu kepada Bil Perbendaharaan yang bermula daripada 3 bulan kepada 6 bulan dan 12 bulan dan seterusnya kepada bond-bond Kerajaan daripada 3 tahun hinggalah kepada 5, 8, 12 dan seterusnya kepada 21 tahun.

Ini adalah satu spectrum alat-alat kewangan yang ada dalam sesebuah ekonomi dan sebahagiannya diwujudkan oleh institusi-institusi kewangan dan sebahagian lagi digunakan oleh pihak Perbendaharaan kita ataupun Bank Negara kita. Jadi dengan adanya satu spectrum yang begitu luas ini terpulanglah kepada siapa jua, tidak kira sama ada ianya satu institusi ataupun organisasi ataupun rumahtangga ataupun individu untuk memilih manakah satu jenis alat kewangan yang dipilih berdasarkan kepada kadar faedah yang dapat diperolehi oleh seseorang ataupun satu rumahtangga ataupun berdasarkan kepada risiko yang sanggup dipikul oleh orang yang membuat pinjaman tadi.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa pihak peminjam ini tidak kira sama ada ianya daripada Kerajaan ataupun swasta adalah di dalam lingkungan spectrum yang saya sebutkan tadi. Maka terpulanglah kepada pihak yang memberi pinjaman untuk membuat pilihannya sendiri, dan saya mengharapkan bahawa tiba ketikanya nanti di mana pinjaman melalui Bil Perbendaharaan ini tidak akan tersekat sahaja kepada bank-bank perdagangan seperti yang ada sekarang ini, bahkan ia sewajarnya dibuka luas kepada siapa jua berdasarkan kepada perkiraan faedah yang mungkin didapati ataupun risiko yang sanggup ditanggung oleh mereka yang memberi pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada pandangan dan hujah-hujah tersebut, saya mohon menyokong Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan), 1986.

#### 4.24 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang ini walaupun pertukaran satu perkataan sahaja daripada "tiga ribu juta ringgit" kepada "lima ribu juta ringgit", ini mempunyai erti yang besar terutamanya kerana negara Malaysia menghadapi kemelesetan ekonomi dan lebih penting lagi negara kita menghadapi krisis keyakinan ke atas sistem kewangan dan sistem bank.

Di bawah pindaan Akta ini, had maksimum keluaran Bil-bil Perbendaharaan dipertingkatkan daripada \$3,000 juta kepada \$5,000 juta. Perkara ini pernah disebutkan di dalam Laporan Tahunan Bank Negara tahun 1985. Menurut Laporan Tahunan Bank Negara, jumlah besar keluaran Bil-bil Perbendaharaan mencapai had maksimum pada bulan Januari 1986 apabila sejumlah \$210 juta Bil Perbendaharaan yang baru dikeluarkan. Keluaran baru ini bertujuan terutamanya untuk memenuhi keperluan-keperluan pelaburan institusi-institusi kewangan termasuk dua syarikat diskaun yang tertubuh dalam tahun 1985 sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Akan tetapi, berdasarkan kepada angka-angka yang diberi di dalam Laporan-laporan Tahunan Bank Negara dalam tahun 1983, 1984 dan 1985 mengenai milikan Bil-bil Perbendaharaan dalam sistem kewangan, saya berpendapat bahawa sambutan atau permintaan bagi Bil-bil ini tidaklah sebaik yang dibayangkan oleh pihak Kerajaan. Walaupun pada keseluruhannya nilai kewangan Bil-bil

Perbendaharaan telah meningkat mencapai had maksimumnya, permintaan sistem kewangan secara berasingan didapati telah sama ada merosot atau berlakunya pertambahan pada kadar yang semakin kecil.

Tuan Yang di-Pertua, contohnya, jumlah urusniaga Bil-bil Perbendaharaan dan Surat-surat Jaminan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan dalam tahun 1985 telah jatuh sebanyak 15.6% daripada segi jumlah pembelian sementara jumlah jualan jatuh sebanyak 20.4%. Pemilikan Bil-bil Perbendaharaan oleh sistem syarikat-syarikat dikau juga turut jatuh sebanyak \$179.9 juta menjadikan jumlah nilai dalam pegangan bersamaan dengan \$171.4 juta. Memandangkan jumlah jualan jatuh pada kadar yang lebih besar daripada jumlah pembelian, ini menunjukkan betapa ketatnya keadaan mudahtunai di dalam ekonomi. Pertambahan dalam keluaran Bil-bil Perbendaharaan tidak akan memberi apa-apa sumbangan yang positif ke atas kelegaan mudahtunai dan pelaburan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak percaya untuk menghadapi krisis keyakinan, sistem kewangan termasuk sistem banking sekarang hanya dengan mengadakan lebih banyak Bil Perbendaharaan tidak dapat menyelesaikan masalah seperti di sini. Sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Seremban skandal-skandal termasuk BMF, Pan-Electric dan sebagainya setakat ini tidak dapat diselesaikan.

Kes-kes penjenayah yang menjijik ini dihadapkan di mahkamah Hong Kong dan juga di mahkamah London. Tetapi mengenai skandal tersebut, tidak ada kes di dalam mahkamah Malaysia, di dalam mahkamah Kuala Lumpur. Ini menunjukkan satu krisis struktur yang serius bagi ekonomi negara ini. Mengapa?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Boleh beri jalan?

**Dr Tan Seng Giaw:** Boleh.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong ada mengatakan mengenai dengan krisis keyakinan dan terus membangkitkan isu-isu yang lama. Kalau BMF itu dihubungkan dalam perbahasan Rang Undang-undang ini, suka saya memberi tahu Yang Berhormat dari Kepong, pihak Pembangkang sudah pun membesarkan isu BMF ini sebelum lagi pilihanraya, dan pilihanraya sudah pun berlangsung dan Barisan Nasional sudah pun menang dengan majoriti 2/3. Tidak malukah kita terus membangkitkan isu-isu yang pun tidak mahu orang dengar lagi?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sikap dan tingkah laku Yang Berhormat dari Pasir Mas itu kurang wajar kerana kami dari DAP membangkitkan skandal-skandal BMF, Pan-Electric, UMBC, MAKUWASA, Maminco dan sebagainya bukan sahaja untuk pilihanraya umum akan tetapi untuk kepentingan negara termasuk kepentingan penduduk-penduduk di luar bandar. Penduduk-penduduk di luar bandar tidak dapat tahu betapa seriusnya krisis struktur ekonomi, kerana orang-orang seperti Yang Berhormat dari Pasir Mas ini, dia tidak kira, dia tidak mengendahkan kepentingan negara, dia hendak mementingkan diri sendiri, dia hendak jadi Ahli Yang Berhormat sahaja.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya seronok mendengar dari Yang Berhormat dari Kepong ini. Saya rasa sudah sampainya di antara buku dan ruas akan bertemu. Apabila Yang

Berhormat dari Kepong mengatakan bahawa saya sebagai Wakil Rakyat dari Pasir Mas tidak mementingkan kepentingan negara, ia menandakan betapa cetek dan rendahnya mutu kepimpinan DAP.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan demikian sebagai penjelasan kerana kalaulah semata-mata Yang Berhormat dari Kepong hendak mengadakan-adakan "hantu" balik dalam Dewan ini sebagaimana pernah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran, sekadar semata-mata untuk membahar, sahaja menghangatkan Dewan, kita daripada Barisan Nasional, daripada penyokong Kerajaan tidak berminat sedikit pun melayan cerita-cerita yang karut dan cetek ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, bolehkah kita balik kepada Rang Undang-undang ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka balik dan akan balik, cuma satu sahaja tadi, sebab ia sebutkan "hantu". Hantu Jalil Ibrahim tidak ada disini, dia tidak tengok, dia tidak dapat tahu mangsa skandal itu. Setakat ini pun kita tidak tahu siapa yang bertanggungjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Zubir bin Embong:** On a point of order, Tuan Yang di-Pertua. Sepatutnya dalam perbahasan kita tidak boleh menyebutkan nama orang, sementelah lagi nama yang disebut itu ialah nama orang yang telah mati.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia bukan Ahli Parlimen. Sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat dari Arau itu, dia hendak kacau sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Bukan dari Arau. (Ketawa).

**Dr Tan Seng Giaw:** (Ketawa) Yang Berhormat ini cuma hendak kacau sahaja, kalau tidak ada modal, cuma hendak kacau sahaja, baik kita diam-diam sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat dari Pasir Mas, saya tidak gunakan nama, bila dia dihadapkan dengan hantu Jalil Ibrahim ini, dia tidak tahu, dia tidak malu pun kerana tidak membela nasibnya. Inilah susahnya, kalau pemilih-pemilih Pasir Mas tahu tingkah laku dia di dalam Dewan yang mulia ini, dia tidak akan dipilih semula.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat dari Kepong ini sudah terlanjur. Apakah Yang Berhormat dari Kepong tidak sedar keputusan pilihanraya di Pasir Mas baru-baru ini di mana Barisan Nasional telah mencapai kemenangan yang besar, ini menandakan Barisan Nasional mendapat sokongan majoriti rakyat dan tidak berlaku krisis keyakinan. Saya bimbang masa depan Yang Berhormat dari Kepong sebab rakyat di luar sudah tahu, datang ke Dewan ini untuk buat kelakar.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sudahlah perkara ini. Teruskan dengan ucapan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kelakar itu dibuat oleh Yang Berhormat sendiri, kelakar politiknya yang tidak sanggup menerangkan keadaan yang sebenar dengan krisis kewangan negara ini, tidak pergi ke orang kampung untuk menerangkan keadaan. Kalau \$2.5 billion ini, apa maknanya? Dia tidak terangkan hal

ini. Cuma pergi ke situ gunakan agama, gunakan isu perkauman untuk kepentingan politik . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Jangan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sudahlah Yang Berhormat. Teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, susahnya hendak menerangkan kepada . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Seperti saya sebutkan sebelum ada orang bangun tadi, untuk menyelesaikan krisis kewangan, bukan sahaja dengan mengadakan lebih banyak Bil Perbendaharaan, akan tetapi kita terpaksa menyelidik, menyiasat dan mengetahui dengan lebih teliti apakah faktor-faktor yang utama yang mewujudkan krisis yang begitu serius di dalam sejarah Malaysia. Itu penting. Kalau Yang Berhormat dari Pasir Mas tidak tahu, boleh kita bincangkan sama ada di dalam Dewan yang mulia ini ataupun di luar untuk mengetahuinya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan Yang Berhormat dari Kepong, saya tahu dan saya faham sebab tidak ada krisis. Yang ada krisis ialah Yang Berhormat dari Kepong. (Tepuk).

**Dr Tan Seng Giaw:** Memang sudah degil, keadaan begitu macam ada krisis, kalau krisis di bibir pun tidak ada lagi. Itulah susah dengan tingkah laku seperti itu. Seperti yang saya

sebutkan tadi, kalau tiada gangguan itu bolehlah saya terangkan. Kalau negara seperti Singapura dan Hong Kong boleh menghadapi penjenayah-penjenayah kewangan yang menjijik ke mahkamah, mengapa negara Malaysia tidak dapat menghadapi orang-orang seperti ini yang melakukan jenayah ke atas rakyat Malaysia ke dalam mahkamah dan sepatutnya Yang Berhormat dari Pasir Mas hendaklah membantu rakyat Malaysia ini untuk mencari orang-orang seperti ini, penjenayah-penjenayah kewangan yang menjijikkan ini. Itulah salah satu tugas dan kewajipan Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk daripada Pasir Mas.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya rasa dia sedar. Teruskan Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tetapi nampaknya dia tidak sedar lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Jangan sentuh dia.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, susah betul dengan Yang Berhormat dari Kepong ini daripada luar sampai ke Dewan. Jadi, kalau hendak menyatakan bahawa kita tidak serius dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk mempertahankan kedaulatan tanahair kita, terutamanya menghapuskan penjenayah-penjenayah kalau ada, kalau Yang Berhormat dari Kepong melihat sikap pimpinan Barisan Nasional yang memerintah negara kita sejak daripada kita mencapai kemerdekaan sehingga pada hari ini, cukuplah itu memberi pengajaran kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Cukup tak?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soal skandal BMF ini bukan skandal yang lama, skandal yang masih diteruskan oleh kerana tidak ada penyelesaian. Selagi tidak ada penyelesaian, skandal ini tidak diselesaikan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat dari Kepong, siapa yang mengatakan skandal ini tidak selesai, sedang diselesaikan. Sekarang ini dalam proses. Kita percaya jaminan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkali-kali bahawa pihak-pihak yang terlibat akan dihukum. Jadi, kalau pun hendak mencari isu-isu yang bukan-bukan saya kira eloklah Yang Berhormat dari Kepong belajar banyak lagi untuk menjadi seorang Wakil Rakyat dan bercakap biarlah bermutu dalam Dewan Rakyat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya suka mengingatkan kedua-dua Ahli Yang Berhormat tentang Peraturan Mesyuarat 36 (6), "Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain."

Walaupun saya benarkan tadi, tetapi janganlah panjangkan. Teruskan Yang Berhormat dan jangan sentuh kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Kita tidak ada banyak masa.

**Dr Tan Seng giaw:** Tuan Yang di-Pertua, bukan saya hendak sentuh hal Yang Berhormat dari Pasir Mas, cuma dia hendak menonjolkan diri dalam penggal yang pertama ini, baru masuk ke sini . . . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sudah Yang Berhormat, saya tidak boleh benar. Sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti skandal BMF ini bukan satu skandal yang bukan-bukan. Itu benar-benar berlaku sehingga satu orang sudah mati sekarang. Siapakah yang bertanggungjawab, itu kita semua hendak tahu. Selagi kita tidak tahu siapa penjenayah-penjenayah ini skandal ini akan dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini oleh pihak DAP untuk selama-lamanya sehingga satu penyelesaian dapat diadakan di negara ini.

**Tuan Othman bin Abdul:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, minta penjelasan atau point of order?

**Tuan Othman bin Abdul:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Dulu Ketua Pembangkang pernah mengatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa DAP akan membuat laporan kepada pihak Polis. Mengapa DAP menarik balik laporan kepada pihak Polis tentang pesalah-pesalah BMF. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat dari Kepong ini apakah jalan penyelesaian yang paling baik, sila cadangkan kepada Kerajaan; jangan membuat cacian, jangan membuat tohmahan dan jangan membuat tuduhan tetapi memberi pandangan kepada Dewan ini dan juga kepada Kerajaan apakah langkah-langkah yang baik untuk kita selesaikan kes BMF. *(Tepuk)*

Kita tahu BMF ini satu skandal. Kerajaan juga mempercayai bahawa itu satu skandal penjenayahan. Tetapi caranya? Semua kita manusia, Perdana Menteri pun manusia biasa yang juga mempunyai fikiran yang sama yang harus mendapat teguran dan pandangan, bukan dengan tohmahan, bukan dengan tuduhan. Saya mencabar DAP supaya membuat laporan, jika sekiranya laporan BMF telah dibaca habis oleh ahli-ahli DAP, sila buat laporan kepada Polis

terhadap orang-orang yang bersalah supaya Kerajaan boleh mengambil tindakan. Saya mencabar DAP hari ini. *(Tepuk)*

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak boleh minta penjelasan atas penjelasan. *(Ketawa)* Yang Berhormat, sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, banyak cadangan DAP untuk menyelesaikan masalah ini. Salah satu yang penting ialah supaya menubuhkan satu Suruhanjaya Di-Raja untuk menyiasat dengan telitinya skandal BMF. Tanpa mengadakan Suruhanjaya Di Raja kita tidak dapat tahu kerana Jawatankuasa seperti yang telah diadakan itu tidak cukup untuk menyiasat. Ini telah diakui oleh Jawatankuasa yang diketuai oleh Tan Sri Ahmad Noordin. Beliau pernah mengakui sekatan-sekatan yang telah diadakan ke atas beliau yang tidak dapat menjalankan tugas dalam erti kata yang sebenarnya. Sebab itulah kami di dalam DAP sekali lagi mencadangkan satu Suruhanjaya Di Raja diadakan untuk menyiasat skandal BMF.

Tadi Yang Berhormat dari Pendang itu, susahlah, hanya mempunyai pedang untuk bersuara, itu tidak cukup. Hendak mengadakan lebih kewibawaan, lebih dignity, lebih ethic dan moral untuk memahami sistem kewangan yang menghadapi krisis.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dia senyap sekarang, kerana dia tahu kebenarannya.

**Tuan Othman bin Abdul:** Cabaran saya kepada DAP untuk membuat laporan . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Tuan Othman bin Abdul:** Saya minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Minta jalan untuk minta penjelasan?

**Tuan Othman bin Abdul:** Ya, Yang Berhormat Ketua Pembangkang dulu pernah mencadangkan bahawa dia akan membuat laporan kepada Polis. Saya hendak minta penjelasan, mengapa DAP menarik balik laporan-laporan yang dibuat kepada Polis. Tidakkah mereka juga takut untuk menghadapi kenyataan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kepong (*Ketawa*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, duduk dulu! Biar dia jawab dulu. Teruskan dulu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Sebenarnya Yang Berhormat dari Pendang dia kurang faham.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sekarang saya minta jalan (*Ketawa*). Bukankah benar dalam perkara ini mengenai laporan kepada Polis di mana kalau Yang Berhormat dari Pendang faham bahawa perkara ini satu perkara yang dikemukakan dan sebagai satu umpan di mana selepas itu pihak Bank Bumiputra sendiri pun pergi membuat laporan. Itulah tujuan kita. Kita sudah berjaya memaksa Bank Bumiputra untuk membuat aduan rasmi tetapi perkara yang mustahak ialah apa yang sudah timbul atau apa yang sudah jadi selepas laporan itu dan Yang Berhormat dari Pendang kalau beliau bertanggungjawab patutlah tahu

selepas siasatan pihak Polis, apa yang berlaku dan bukan dengan satu sikap yang tidak bertanggungjawab yang mahu membiarkan perkara ini dilupakan. Saya harap kalau Yang Berhormat dari Pendang benar-benar bertanggungjawab dengan pihak DAP mahu pihak Polis memberi satu penjelasan apa yang sudah berlaku dalam siasatan Laporan itu. Kalau tidak, dia benar-benar "bendang" (*Ketawa*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Nampaknya Yang Berhormat dari Pendang cukup faham sekarang. Jadi yang penting sekali bersama-sama dengan Yang Berhormat yang lain serta terutamanya Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas saya hendak terangkan di sini, sebenarnya langkah-langkah yang positif dan cara-cara yang berkesan untuk menyelesaikan krisis kewangan, untuk menyelesaikan krisis keyakinan, untuk menyelesaikan krisis identiti di Malaysia ini ialah untuk mengadakan Suruhanjaya Di Raja supaya semua skandal termasuk BMF dapat didedah, dapat dibongkar, dapat disiasat dengan teliti.

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat.

**Tuan Zubir bin Embong:** Minta penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat dari Kepong menerangkan apakah sama di antara krisis identiti dengan krisis keyakinan yang disebut sebentar tadi? Itu maksud perbincangan hari ini. Apakah sama?

**Dr Tan Seng Giaw:** Ada kaitan, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, dengan krisis identiti, krisis keyakinan itu bermakna pemimpin-pemimpin negara kita tidak dapat mengetahui faktor-faktor yang sebenarnya iaitu

dengan krisis identiti ini, krisis yang bersangkutan paut dengan "bersih, cekap dan amanah" dan moral. Kalau tidak ada kebersihan, kecekapan dan moral, ini bermakna satu krisis identiti. Saya berharap Yang Berhormat itu tahulah sekarang apa yang dimaksudkan dengan krisis identiti. Dan mahu lagikah pengiktirafannya, banyak lagi. Sebenarnya . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, jangan pandang sana. Teruskan ucapan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Minta lalu (*Ketawa*). Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Kepong, Yang Berhormat nampaknya tidak meneruskan ucapan. Tetapi seringkali mengajak kami berbalah. Adakah Yang Berhormat berniat demikian supaya kami juga boleh bersedia perkara itu. Cukuplah satu (*Ketawa*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Itu penjelasankah? Teruskan ucapan Yang Berhormat dengan ucapan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, susahlah orang yang hendak ganggu. Tetapi dia hendak ganggu itu buat alasan-alasan yang . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sebab Yang Berhormat selalu menyentuh sana.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya tidak melihat ke situ.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan ucapan, Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Minta lalu sebagai contoh. Saya . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sudah. Dia belum kata apa-apa lagi.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Minta lalu, bolehkah? (*Ketawa*). Sebagai contoh, saya masuk tadi, Yang Berhormat lain cakap Yang Berhormat itu kata saya yang bercakap. Jadi, Yang Berhormat sudah memang hendak ajak saya berbalah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Itu crisis of identity (*Ketawa*).

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Bukan, krisis mental.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Nampaknya Yang Berhormat dari Arau itu mempunyai krisis identiti yang besar sekarang. Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, minta lalu. Siapa yang mempunyai identiti, saya atau Yang Berhormat? (*Tepuk*). Yang Berhormat, kalau hendak bercakap, cakap terus, jangan menyebut mana-mana pihak. Ini kalau tidak ada modal, berhenti supaya banyak orang-orang lain boleh bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya bersetuju Yang Berhormat (*Ketawa*). Teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Memang mempunyai modal yang banyak. Itu dia hendak marah sudah. Satu krisis lagi, krisis hendak marah. Sudah naik berang. Kalau hendak bincang, kita hendaklah tenteram. Dengan tenang sahaja, baru boleh bincang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sekarang sudah tenteram. Teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, bagi sistem Bank Perdagangan, jumlah pertambahan

nilai Bil-bil Perbendaharaan telah merosot dari setahun ke setahun, akibat daripada krisis yang saya sebutkan tadi, termasuk krisis daripada Arau juga. Dalam tahun 1982, peratus perubahan nilai bil di antara tahun tersebut dengan tahun 1981 adalah sekadar 37.8%. Inilah satu hakikat sebagai satu bukti di mana terdapat krisis keyakinan dan krisis identiti. Pada tahun berikutnya, kadar tambahan dalam nilai pelaburan jatuh 19.7% dan seterusnya bernilai 6.5% di akhir tahun 1984. Kadar pertambahan di antara tahun 1984 dan 1985 mencatat nilai yang amat kecil iaitu perubahan sebanyak 2% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, angka yang telah saya sebutkan tadi menunjukkan betapa seriusnya pendapatan dan pelaburan negara, sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sanggup mengatakan sekiranya pendapatan tidak berubah, pendapatan negara masih merosot, besar kemungkinan bilangan kakitangan jumlahnya 850,000 orang mungkin dikurangkan dan gaji pun dikurangkan dan itulah satu krisis sehingga 850,000 kakitangan mungkin terpaksa dikurangkan. Dan inilah saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memahami. Tadi ada setengah-setengah orang termasuk Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas dan Arau tidak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Jangan Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** . . . . .tidak tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan ucapan . . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Ada krisis seperti ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, kalau

Yang Berhormat menyentuh perkara itu lagi, saya ingin memberhentikan Yang Berhormat (*Tepuk*). Teruskan ucapan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sudah Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ini point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak payah.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tidak payah? (*Ketawa*). Sebab dia mempunyai sangkaan jahat terhadap saya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak.

**Dr Tan Seng Giaw:** Itu bukan sangkaan jahat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, teruskan ucapan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan kakitangan 850,000 ini menghadapi kesusahan sama sahaja dengan rakyat jelata di seluruh negara. Dan ini satu perkara yang serius. Bukan sangkaan jahat ke atas sesiapa pun. Satu hakikat dan menyatakan yang perlu diambil perhatian dengan seriusnya oleh semua Ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini. Dan saya hendak mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya mengambil tindakan yang lebih positif supaya mempunyai keazaman yang lebih untuk menyelesaikan masalah-masalah yang semakin hari semakin bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan sistem syarikat-syarikat kewangan, di mana di antara tahun

1982 dengan tahun 1983 pertambahan yang dicatat adalah \$14.1 juta. Selanjutnya di antara tahun 1983 dengan 1984 pertambahan hanyalah sekadar \$5.8 juta. Pada akhir tahun 1985 pertambahan dalam nilai menjadi negatif dengan penurunan sebanyak \$1.4 juta.

Di sini suka saya menekankan bahawa sikap setengah-setengah peminjam dan sikap setengah-setengah orang yang bertanggungjawab di dalam syarikat-syarikat tersebut adalah tidak wajar, tidak betul, sepertimana yang berlaku dengan setengah-setengah koperasi yang menggalak penyimpanan wang oleh orang awam dan dengan wang rakyat yang banyak, wang daripada orang-orang miskin, orang-orang yang menyimpan bertahun-tahun untuk menampung hidup, simpanan untuk masa depan dan sebagainya. Wang beratus-beratus juta ringgit ini diambil, dipinjam oleh ahli-ahli Lembaga Koperasi ataupun syarikat tanpa syarat-syarat yang wajar.

Sebenarnya ahli Lembaga tidak sepatutnya dibenar untuk meminjam wang daripada syarikat sendiri, itu dibuat kadangkala \$50 juta, \$100 juta ataupun lebih dipinjam oleh ahli Lembaga dan juga oleh sanak saudara. Inilah salah satu faktor kehilangan maruah, kehilangan moral yang menyebabkan sistem kewangan di dalam negara ini menghadapi krisis yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Cuba ringkaskan Yang Berhormat, sudah lama.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya, tetapi ada tiga hari untuk membincangkan Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ada banyak Rang Undang-undang.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada angka-angka yang telah saya sebutkan tadi, kesimpulannya adalah bahawa permintaan pasaran untuk Bil-bil Perbendaharaan telah hampir mencapai takat tepunya.

Saya berharap pihak Kerajaan dapat meluangkan masa, untuk menjelaskan dengan lebih lanjut sebab-musabab yang sebenarnya bagi peningkatan had maksima keluaran Bil-bil Perbendaharaan. Penjelasan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi adalah tidak mencukupi untuk mempertahankan perbuatan ini. Jika hasrat Kerajaan meningkatkan had maksima ini adalah untuk mendapatkan sumber-sumber kewangan, saya berharap jumlah kredit yang diperolehi kelak akan dilaburkan di dalam rancangan-rancangan pembangunan sosio ekonomi yang berproduktif, itulah maksud saya. Satu contoh di dalam tempoh 15 atau 16 tahun ini untuk luar bandar sahaja, bagi meningkatkan sosio ekonomi luar bandar, Kerajaan telah memperuntukkan sekurang-kurangnya \$86 billion untuk meningkatkan sosio ekonomi di luar bandar, tetapi prestasinya tak ketara, memang ada bangunan-bangunan baru, tetapi prestasinya tidak sejajar dengan amaun yang diperuntukkan. Itulah . . . . .

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Alias bin Md. Ali):** Minta penjelasan. Bagaimanakah Yang Berhormat dari Kepong itu boleh tahu prestasinya baik atau tidak di luar bandar, sedangkan beliau duduk dalam bandar dan tidak pernah pergi ke luar bandar setakat yang saya tahu, ke kawasan-kawasan di Hulu Terengganu misalnya, tidak pernah dia pergi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat dari Hulu Terengganu tidak tahu juga. Kita maafkan dialah, sekarang tingkatnya sudah naik daripada sini ke situ, "fesyen" dia macam itulah. Sebelum ini . . . . .

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Minta penjelasan. Apa kena-mengena dengan soal yang dibangkitkan itu daripada sebelah sana ke sebelah sini, dengan apa yang saya soalkan tadi, jawab apa yang saya soalkan itu. *(Ketawa)*.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kalau tidak mahu jawab, teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, tentu boleh jawab, soalan ini soalan kecil sahaja, sebab sanak-saudara saya pun ada di kampung di Kelantan, seperti di Hulu Terengganu juga, di kampung Jeranak itu ada sanak saudara saya, juga yang berhampiran dengan Bachok dan berhampiran dengan Jelawat di negeri Kelantan. Itu sahaja, kalau dia hendak pergi dengan saya pun boleh juga bersama-sama seronok sahajalah. Itulah jawapan kepada Yang Berhormat dari Hulu Terengganu. Dia hendak ukur, kita boleh bincang bagaimana hendak kita ukur perbelanjaan \$86 billion ini, dengan wang yang begitu besar, berapa kali ganda kalau berbanding dengan skandal BMF \$2.5 billion. Itulah hakikatnya.

Yang Berhormat dari Hulu Terengganu itu sekarang jadi Setiausaha Parlimen bolehlah menafsir, mengukur, menilaikan prestasinya dengan lebih gigih, dengan lebih rajin lagi kerana kerajinan itu salah satu nilai ditekankan sebagai nilai-nilai Islam yang universal, tambah pula sebagai nilai-nilai yang hendak diterangkan daripada negara

Jepun. Itulah cadangan saya bagi semua Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri ataupun Menteri.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Kepong sekarang ini sihat ataupun tidak? *(Ketawa)*.

**Dr Tan Seng Giaw:** Memang sihat. Yang Berhormat ini kurang modal sekarang ini, dia hendak sebutkan perkara-perkara yang lain untuk menarik perhatian ke bidang yang lain. Yang penting sekali apa yang terjadi dengan \$86 billion yang sebahagiannya pun dilaburkan di Pasir Mas juga. Pasir Mas itu tidak ubahnya, setengah-setengahnya ada bangunan baru tetapi . . . . .

**Tuan Lau Dak Kee:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Minta penjelasan?

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, kalau cadangan itu adalah sama ada Yang Berhormat dari Kepong sihat atau tidak sihat, saya rasa . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat minta penjelasan daripada siapa?

**Tuan Lau Dak Kee:** Daripada . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Bukan daripada Ahli dari Kepong?

**Tuan Lau Dak Kee:** Bukan—saya cadang pada dia.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sama ada dia sihat atau tidak, dia tahulah.

**Tuan Lau Dak Kee:** Yang Berhormat dari Kepong adalah seorang doktor, dia boleh check juga Yang Berhormat itu sama ada dia sihat atau tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Itu bukan penjelasan Yang Berhormat. Sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kesihatan semua Ahli itu penting, saya berharaplah . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Janganlah kita bincang kesihatan Ahli-ahli Yang Berhormat. (*Ketawa*).

**Dr Tan Seng Giaw:** Ini dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas kerana . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kesihatan kewangan itu penting sekarang (*Ketawa*), kurang sihat setakat ini dan kami semua berbincang di sini supaya kesihatan itu dapat dijamin dengan keluaran Bil-bil Perbendaharaan yang bertambah dengan banyak; itulah kesihatan yang penting hari ini. Dan untuk kesihatan ini saya mencadangkan bahawa Kerajaan mesti mengesyorkan wang yang dilaburkan untuk menggerakkan ekonomi dan seterusnya menjaga pendapatan dan memperluaskan cake ekonomi. Nampaknya susah tahun ini dengan pertumbuhan ekonomi yang mungkin negatif, susah hendak memperluaskan dan memperbesarkan cake ekonomi, kerana kesusahan sekarang di dalam negara ini kerana cake ekonomi semakin kecil dan wujudlah masalah-masalah yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan juga harus menjelaskan cara bagaimana keadaan mudah tunai dapat dilegakan ekonomi, jika di sebelah tangan nisbah cadangan berkanun—bank perdagangan dengan bank negara dikurangkan, manakala di sebelah tangan yang lain pihak Kerajaan menyalur ke luar mudah tunai yang dibebaskan dari ekonomi

negara ke dalam dananya melalui keluaran Bil-bil Perbendaharaan yang baharu. Ini bererti pihak Kerajaan akan bertanding dengan usahawan-usahawan di sektor swasta untuk mendapatkan sumber kewangan. Ini tidak seharusnya berlaku semasa negara menghadapi kemerosotan ekonomi. Persaingan di antara Kerajaan dengan swasta tidak seharusnya berlaku, tidak seharusnya dibenarkan. Tuan Yang di-Pertua, maka penurunan nisbah cadangan berkanun (Statutory Reserves) adalah semata-mata satu tipuan muslihat untuk memperdayakan rakyat jelata supaya mereka berasa dan menganggap bahawa pihak Kerajaan telah mengambil langkah untuk melegakan keadaan mudah tunai ekonomi.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Perkataan yang diucapkan oleh Yang Berhormat dari Kepong itu sebagai unparliamentary, kerana perkataan "menipu rakyat" tidak seharusnya diucapkan di dalam Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia kata itu secara general, tidak terhadap Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, adakah perkataan itu boleh diucapkan?

**Dr Tan Seng Giaw:** Boleh saya ulangkan apa yang saya katakan tadi supaya Yang Berhormat yang sensitif tadi itu, yang kurang sihat tadi itu dapat faham.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Jangan ulang perkataan itu, Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, siapa yang kurang sehat, saya ataupun Yang Berhormat dari Kepong?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Belum pasti (*Ketawa*).

**Dr Tan Seng Giaw:** Maka penurunan nisbah cadangan berkanun adalah semata-mata satu tipu muslihat, penurunan nisbah cadangan berkanun (Statutory Reserves). Tuan Yang di-Pertua, satu tipu muslihat untuk memperdayakan rakyat jelata supaya mereka merasa dan menganggap pihak Kerajaan telah mengambil langkah untuk melegakan keadaan mudah tunai ekonomi, walhal ianya adalah satu pengendalian yang licin untuk mendapatkan wang oleh Kerajaan. Kerajaan tidak ada wang, Kerajaan hendak wang. Dengan wang ini . . . . .

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Alias bin Md. Ali):** Adakah Ahli Yang Berhormat dari Kepong faham makna perkataan "tipu muslihat"? Setahu saya tipu muslihat bermakna "membuat sesuatu di luar pengetahuan orang ramai untuk mencapai sesuatu muslihat". Tetapi kita sekarang membawa usul ini ke dalam Dewan Rakyat, Dewan tertinggi di negara ini yang diwakili oleh semua golongan dan semua parti, bagaimana Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu boleh mengatakan ini suatu tipu muslihat. Barangkali dia tidak faham istilah bahasa Melayu dan saya cadangkan dia balik semula pergi belajar Bahasa Malaysia (*Tepuk*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, duduk sekejap! Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya ada apa-apa penjelasan hendak diminta

daripada Ahli yang bercakap, saya berharap Yang Berhormat minta penjelasan itu biar ringkas, yang menjawab itu biarlah yang mengeluarkan hujah oleh kerana mereka ini akan dapat memberi penjelasan kepada yang minta penjelasan. Teruskan Yang Berhormat dari Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, satu saranan yang tepat terutamanya Yang Berhormat dari Ulu Terengganu yang hendak membuat tafsiran dan penilaian Bahasa Malaysia menurut cara Ulu Terengganu. Sebenarnya, tipu muslihat itu mempunyai erti yang tertentu termasuk undang-undang di sebalik batu, kadangkala undang-undang harimau di sebalik batu. Memang di Ulu Terengganu tidak ada undang. Ulu macam mana ada undang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat teruskan dan jangan menyeleweng.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya tidak beri penjelasan, duduk dahulu! Saya suka memberi tahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita cuma ada empat hari sahaja untuk meluluskan sepuluh Rang undang-undang yang dibawa oleh pihak Kerajaan iaitu pada hari esok 22hb, 23hb dan setelah itu pada 5hb dan 8hb Disember. Saya akan menggunakan masa yang singkat ini untuk memperingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya membahaskan Rang Undang-undang ini mengikut matannya dan jangan kita pergi ke sana, pergi ke mari dan mana-mana Ahli yang menegur biarlah ada kaitan dengan Rang Undang-undang itu, oleh kerana hendak menjimatkan masa Dewan ini. Dan saya minta Yang

Berhormat dari Kepong teruskan, saya bagi hanya lagi tidak kurang 5 minit dan setelah itu, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, adalah amat penting bagi pihak Kerajaan untuk menjamin bahawa kredit yang diperolehi daripada keluaran Bil-bil Perbendaharaan tidak dibazirkan mahupun digunakan untuk membayar balik pinjaman-pinjaman Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya wang daripada Bil-bil Perbendaharaan ini tidak seharusnya digunakan untuk Perbelanjaan Mengurus. Sebab Perbelanjaan Mengurus ini kian meningkat untuk membayar gaji kakitangan Kerajaan, untuk membayar pencen dan sebagainya meningkat dan kita tidak sepatutnya mengeluarkan banyak Bil Perbendaharaan untuk maksud itu sahaja.

Bagi saya yang lebih penting untuk pembangunan untuk projek-projek pembangunan yang produktif. Itulah yang lebih penting.

Satu perkara lagi iaitu banyak unsur-unsur politik di dalam urusan kewangan dan di dalam pelaburan yang diadakan oleh pihak Kerajaan. Unsur-unsur politik ini adalah tidak sihat kerana mewujudkan, menimbulkan penyelewengan, rasuah dan sebagainya termasuk skandal-skandal yang raksaksa. Dan selagi unsur-unsur politik ini tidak dibanteras maka rasuah penyelewengan dan skandal akan terus berlaku sehingga satu bencana besar akan menimpa negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya buat tiga cadangan. Yang pertama, langkah-langkah yang berkesan hendaklah diadakan untuk melegakan mudah tunai ekonomi negara ini dan kedua, wang yang diperolehi daripada Bil-bil Perbendaharaan hendaklah

digunakan hanya untuk dilaburkan di dalam perancangan-perancangan pembangunan, sosio-ekonomi yang berproduktif dan yang ketiga, kita hendaklah menghapuskan segala unsur politik di dalam urusan kewangan dan pelaburan Kerajaan supaya sistem kewangan negara ini, sistem banking negara ini, dapat diperbaiki, krisis keyakinan, krisis identiti dapat dihapuskan, dapat diselesaikan dengan secepat mungkin supaya rakyat jelata dapat diselamatkan daripada cengkaman dan krisis kemerosotan ekonomi yang semakin hari semakin menjadi buruk.

Rakyat Malaysia berkehendakkan masa depan yang lebih selesa, yang lebih tenteram, yang lebih stabil dan dengan ekonomi yang begitu merosot harapan rakyat ini tidak tercapai. Oleh sebab itulah saya berharap Kerajaan dapat keazaman untuk menyelesaikan krisis-krisis ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Di jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.24 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ng Cheng Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan serta cadangan-cadangan mereka semasa perbahasan tentang Rang Undang-undang Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) ini.

Seperti yang saya telah terangkan semasa membentangkan Rang Undang-undang ini tadi pindaan yang dicadangkan ini adalah bertujuan menaikkan had maksima yang boleh dipinjamkan oleh Kerajaan melalui pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan daripada \$3,000 juta kepada \$5,000 juta.

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna Kerajaan akan meminjam jumlah maksima sebanyak \$5,000 juta ini secara sekali gus. Perlu saya tegaskan di sini bahawa Kerajaan akan meminjam hanya apabila keadaan memerlukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Seremban, Akta ini telah dipinda enam kali sejak tahun 1955. Pada tahun 1963 had berkanun maksima telah dipinda daripada \$150 juta kepada \$300 juta. Pada tahun 1965 had berkanun maksima telah dipinda daripada \$300 juta kepada \$600 juta. Tahun 1966 daripada \$600 juta kepada \$1,000 juta. Tahun 1971 daripada \$1,000 juta kepada \$1,500 juta. Tahun 1975 daripada \$1,500 juta kepada \$2,000 juta. Dan akhirnya tahun 1977 daripada \$2,000 juta kepada \$3,000 juta.

Memandangkan bahawa ekonomi negara kita telah berkembang dengan pesat sejak tahun 1977 maka adalah wajar dan perlu supaya had maksima pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan ini ditambahkan sebanyak \$2,000 juta menjadi \$5,000 juta.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang pinjaman-pinjaman, Kerajaan serta kemampuan Kerajaan membayar balik pinjaman-pinjaman yang tersebut. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, usaha Kerajaan untuk membangunkan negara sudah tentu akan memerlukan sumber kewangan. Baik daripada dalam negeri mahupun dari luar negeri. Seperti biasa Kerajaan telah dan akan menggunakan pinjaman dengan bijak, adil dan saksama untuk meneruskan projek-projek pembangunan serta memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada pinjaman melalui pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan, perlu saya tegaskan di sini bahawa ini adalah diperlukan untuk membiayai

berbagai-bagai projek yang akan membawa faedah kepada rakyat, khususnya projek-projek yang telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Kelima. Pinjaman seperti ini yang merupakan pinjaman dalam negeri adalah lebih berfaedah kepada negara kita, jika dibandingkan dengan pinjaman dari luar negeri kerana pinjaman melalui Bil-bil Perbendaharaan akan membantu dalam mengurangkan pengaliran pertukaran wang asing kepada negara lain.

Mengenai hal-hal BMF, UMBC ataupun Proton Saga, soalan-soalan ini semua telah pun dijawab oleh Kerajaan beberapa kali, baik melalui surat khabar mahupun di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapan ini kecuali kes BMF. Seperti yang kita sedia maklum Peristiwa BMF telah berlaku dan wang berjuta-juta ringgit telah pun hilang akibat dari tindakan yang tidak amanah dan tidak bertanggungjawab beberapa orang Pengarah kakitangan syarikat itu.

Tumpuan Kerajaan sekarang ialah untuk memastikan supaya syarikat itu mendapat balik seberapa banyak wang yang boleh. Tambahan pula mereka yang terlibat dalam jenayah menipu wang BMF ini telah pun dibawa ke mahkamah untuk didakwa.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kini perbicaraan terhadap mereka yang terlibat dalam kes BMF sedang dijalankan di negeri-negeri yang berkenaan. Sesungguhnya peristiwa BMF telah membawa pengajaran yang pahit kepada kita semua. Apa yang penting sekarang ialah untuk mempelajari dari peristiwa ini supaya kes-kes seperti ini tidak akan berulang lagi dan bukannya untuk memburuk-burukkan lagi keadaan dengan membangkitkan perkara-perkara ini berulang kali.

Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Kepong supaya jangan lagi memperheboh-hebohkan perkara ini kerana tiada sesiapa yang akan beruntung dari memburukkan keadaan akibat dari kes BMF ini.

Mengenai cadangan-cadangan . . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong minta penjelasan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan nampaknya kurang faham dengan keadaan. Selagi tidak ada penyelesaian ke atas skandal-skandal termasuk BMF, bukan sahaja BMF, banyak lagi, selagi tidak ada penyelesaian, kami di dalam Dewan ataupun di luar Dewan ini akan membangkitkan perkara-perkara seperti ini untuk kepentingan rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, sila duduk! Perkara BMF tidak ada kaitannya dengan Rang Undang-undang ini. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri teruskan dengan jawapan.

**Tuan Ng Cheng Kiat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai cadangan-cadangan dan pandangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada kaitan dengan pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan, saya ingin memberi jaminan di sini bahawa semua cadangan dan pandangan yang baik sudah tentu akan dipertimbangkan oleh Kementerian saya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya

kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI (PINDAAN)

**Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga**

5.36 ptg.

**Tuan Ng Cheng Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dibaca bagi kali kedua.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tujuan utama pindaan kepada Akta Perindustrian Sekuriti 1983 atau APS adalah bagi membolehkan penyertaan badan-badan korporat di dalam perusahaan sekuriti. Di samping itu, pindaan-pindaan juga di-perbuat bagi memperbaiki pentadbiran Akta tersebut dan bagi menghapuskan anomali serta peruntukan yang terhad untuk dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, APS yang ada sekarang telah dikuatkuasakan pada 7hb Julai, 1983 dengan tujuan untuk mengawal perjalanan industri sekuriti. Akta ini mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai perniagaan sekuriti, perlesenan broker-broker saham, lain-lain orang yang menjalankan perniagaan saham, menetapkan perkara-perkara yang menjadi kesalahan di dalam perniagaan sekuriti dan lain-lain perkara berhubung dengan perusahaan sekuriti. Oleh kerana perusahaan sekuriti adalah sebahagian daripada pasaran modal, maka ianya adalah tertakluk di bawah pengawasan Menteri Kewangan. Walau bagaimanapun pentadbiran APS adalah di bawah Pendaftar Syarikat.

Terdapat peruntukan di bawah APS di mana Menteri Kewangan dan Pendaftar Syarikat boleh berhubung dari semasa ke semasa dengan Jawatankuasa Terbitan Modal atau CIC untuk mendapat nasihat mengenai perkara-perkara berkaitan dengan perindustrian sekuriti demi untuk melaksanakan APS dengan patut dan berkesan. Ahli-ahli CIC yang diketuai oleh Gabenor Bank Negara Malaysia sebagai Pengerusi terdiri dari pakar-pakar dan bersidang dari masa ke semasa. Pada asasnya peranan CIC adalah untuk memastikan perkembangan teratur pasaran modal melalui penguatkuasa peraturan-peraturan mengenai pengeluaran saham oleh syarikat-syarikat awam dan/atau untuk menyenaraikannya di bursa saham di Malaysia. Pentadbiran harian pasaran sekuriti dikendalikan oleh sebuah badan yang dikenal sebagai The Kuala Lumpur Stock Exchange atau KLSE yang ditubuhkan sebagai sebuah syarikat terhad oleh jaminan (limited by guarantee).

Mengikut memorandum dan artikel KLSE, operasinya dikawal oleh satu jawatankuasa dilantik dari kalangan

ahli-ahlinya yang terdiri dari broker-broker saham. Seorang wakil Kerajaan dari Kementerian Kewangan juga dilantik menjadi ahli penuh jawatankuasa tersebut untuk menentukan yang kesemua urusan KLSE diselenggarakan dengan baik. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk menguatkuasakan semua peraturan-peraturan KLSE.

Pasaran saham baru-baru ini telah mengalami satu krisis yang telah mengakibatkan harga saham terus menurun ke paras yang rendah berikutan dari penggantungan perniagaan di KLSE. Harga saham yang berterusan turun semenjak awal bulan Disember, 1985 mencerminkan kejatuhan keyakinan para pelabur di dalam perindustrian sekuriti. Bagi mengembalikan keyakinan para pelabur, sebahagian besar daripada pindaan kepada APS ialah bertujuan menggabungkan konsep "corporatisation", dengan izin, di mana badan-badan korporat dibolehkan menjadi ahli bursa saham. Penyertaan mereka diharap akan memperbaiki kedudukan kewangan dan memimpin KLSE ke arah status antarabangsa melalui kemahiran teknikal profesionalisme dan hubungan perniagaan. Langkah ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan bagi mengalu-alukan penyertaan di perindustrian sekuriti oleh badan-badan korporat seperti bank saudagar, bank perdagangan dan syarikat broker saham antarabangsa yang terkenal. Oleh itu, peruntukan-peruntukan yang sesuai perlu diadakan untuk membolehkan penyertaan tersebut.

Memandangkan kejatuhan yang berlaku di dalam pasaran sekuriti baru-baru ini berpunca dari perbuatan manipulasi pasaran dan lain-lain perbuatan seumpamanya, hukuman yang lebih berat adalah dikenakan bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen-seksyen yang bersabit dengan

penipuan dalam pasaran, perdagangan palsu, manipulasi pasaran saham, penyiaran maklumat yang palsu dan mengelirukan dan juga insider trading, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan utama kepada Akta Perdagangan Sekuriti sekarang yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (1) Penyertaan badan-badan korporat.

Pada masa kini hanya orang perseorangan sahaja boleh menjadi ahli bursa saham. Pindaan dibuat bagi membolehkan badan-badan korporat juga menjadi ahli dan mencarum kepada Tabung Kesetiaan (Fidelity Fund). Ini bertujuan untuk memudahkan perjalanan penyertaan badan-badan korporat di dalam perindustrian sekuriti di mana penyertaan mereka diharap akan memperbaiki kedudukan kewangan dan memimpin KLSE ke arah status antarabangsa melalui kemahiran teknikal, profesionalisme dan hubungan perniagaan. Ini adalah seimbang dengan dasar Kerajaan bagi membuka pintu perindustrian sekuriti kepada badan-badan korporat seperti bank saudagar, bank perdagangan dan syarikat broker saham antarabangsa yang terkemuka.

- (2) Lesen peniaga dikeluarkan kepada perbadanan sahaja.

Di bawah peruntukan Akta Perindustrian Sekuriti sekarang, lesen peniaga dikeluarkan kepada broker saham perseorangan manakala syarikat anggotanya dikecualikan daripada lesen. Pindaan tersebut kepada peruntukan-peruntukan yang berkenaan

supaya hanya perbadanan sahaja diberi lesen untuk berniaga sebagai peniaga sekuriti. Berikutan dari pindaan tersebut, syarikat-syarikat broker saham akan memegang lesen peniaga dan ahli-ahli syarikat iaitu broker saham perseorangan serta dengan ahli korporat yang menyertai di bawah dasar corporatisation, dengan izin, akan memegang lesen wakil peniaga. Pelesenan syarikat broker saham akan mencegah syarikat tersebut dari menjalankan perniagaan sekuriti pada masa penggantungan lesen.

Bagi firma perkongsian yang masih wujud, satu peruntukan kecualian iaitu fasal 1 (3) telah dicadangkan supaya firma tersebut dapat menjalankan perniagaan di dalam sekuriti. Kedudukan pekongsi firma anggota dan juga lesen peniaga yang dikeluarkan kepadanya sebelum penguatkuasaan Akta ini akan terus sah sehingga satu masa apabila firma anggota di mana peniaga berkenaan adalah seorang pekongsi membentuk sebuah syarikat.

- (3) Pengumuman skim perkiraan, skim penyusunan semula dan skim ambilalih.

Pindaan dibuat supaya adanya peruntukan baru seksyen 6 (2A) dan seksyen 6 (2B) yang akan membolehkan pengumuman cadangan skim perkiraan, skim penyusunan semula dan skim ambilalih dibuat sebelum permohonan dikemukakan kepada CIC. Ini akan mengatasi masalah yang dihadapi sekarang di mana tawaran ambilalih tidak dibenarkan diguna tanpa kelulusan CIC diperolehi terlebih dahulu. Pindaan yang

dibuat bukan sahaja akan membolehkan pengumuman skim ambilalih dibuat sebelum kelulusan CIC diperolehi tetapi akan mencegah berlakunya insider trading, dengan izin, jika pengumuman terpaksa dilengahkan oleh kerana kelulusan CIC belum diperolehi.

(4) Peruntukan bagi pemeriksaan dan penyiasatan.

Sungguhpun peruntukan bagi pemeriksaan dan penyiasatan ada di bawah Akta Perindustrian Sekuriti sekarang tetapi peruntukan itu bukanlah secara jelas dan nyata. Satu peruntukan baru yang dibuat, seksyen 94A akan memberi Pendaftar Syarikat kuasa pemeriksa yang jelas dan nyata di mana Pendaftar Syarikat mempunyai kuasa untuk memeriksa buku-buku dan rekod-rekod mereka yang memegang lesen di bawah Akta ini.

(5) Penalti am.

Penalti am di bawah seksyen 1, 2, 3 tidak menjadikan suatu kesalahan jika kesalahan dilakukan di bawah mana-mana peruntukan Akta Perindustrian Sekuriti walaupun penalti disebutkan bagi mereka yang membuat kesalahan. Pindaan yang dicadangkan akan mewujudkan satu kesalahan di atas seseorang sekiranya ia melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah ini di mana penalti tidak diperuntukkan dengan nyata.

(6) Penyataan denda dan tambahan penalti.

Oleh kerana peristiwa yang terjadi di pasaran sekuriti baru-baru ini berpunca dari perbuatan manipulasi pasaran dan lain-lain tindakan seumpamanya, adalah dianggap perlu bagi mencegah perbuatan tersebut dengan memperuntukkan denda yang lebih berat. Di bawah pindaan, denda berkenaan dinaikkan kepada sekurang-kurangnya \$50,000 dan diwajibkan hukuman penjara berbanding dengan peruntukan masa kini di mana denda tidak dinyatakan dan hukuman penjara tidak dimestikan.

Seksyen-seksyen 91 dan 92.

Bagi sebahagian dari denda-denda yang tidak dinyatakan di dalam seksyen-seksyen yang lain penyataan telah dibuat dan tambahan penalti adalah berbentuk denda minima dan bukan maksima.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan seperti pindaan-pindaan yang nyata adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memulihkan keyakinan para pelabur kepada industri sekuriti di negara ini. Adalah diharapkan bahawa dasar corporatisation, dengan izin, akan membawa profesionalisme dan kemahiran di golongan masyarakat industri sekuriti di dalam usaha mempertingkatkan keyakinan para pelabur. Di samping itu, kelemahan yang terdapat di peruntukan-peruntukan Akta Perindustrian Sekuriti akan dapat diperbaiki dan pengurusan dan kawalan yang lebih berkesan ke atas industri sekuriti akan dapat diadakan. Seterusnya para pelabur kecil akan mendapat perlindungan daripada perbuatan setengah pelabur yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti, 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.48 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang yang bernama Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti bagi tahun 1983.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya amat tepat sekali Akta ini dikemukakan dengan tujuan bagi memperkukuhkan industri sekuriti yang menjadi perhatian di dalam negara kita sejak beberapa tahun kebelakangan ini, sehinggakan industri sekuriti menjadi petunjuk kepada kedudukan ekonomi negara kita di akhir-akhir ini dalam mana kita lihat banyak penyelewengan-penyelewengan berlaku dalam beberapa badan-badan korporat atau badan-badan awam yang didaftarkan syarikat-syarikat awam, maksud saya, didaftarkan di bursa saham Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini saya mengalu-alukan di mana kedudukan Bursa Saham di Kuala Lumpur iaitu seorang wakil daripada Kementerian Kewangan dilantik bagi mengawasi perjalanan Bursa Saham di Kuala Lumpur dan kita harap Jawatankuasa ini bukan sahaja dapat bertindak dengan tegas tetapi lebih penting mengikuti dengan

teliti tentang kedudukan syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Hal ini kita sebut kerana saya bimbang kepada kedudukan kepentingan kaum bumiputera di dalam bidang industri sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa tahun kebelakangan ini kita lihat banyak golongan-golongan berkejar-kejar bagi mendapat faedah di dalam syarikat-syarikat corporate, dengan izin, di mana kita lihat ada di kalangan syarikat-syarikat korporat yang berkenaan telah dijadikan suatu alat bagi mendapat sebanyak keuntungan daripada badan korporat bumiputera pula. Sebagai contohnya, Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang ataupun satu golongan mempunyai badan korporatnya sendiri di mana mereka ini melaburkan harta dan tanahnya dengan menaikkan nilai-nilai tertentu dan kemudian mendapat permohonan untuk diterbitkan saham-saham baru, maka di situlah kita dapati berkejar-kejarlah pelabur-pelabur untuk mendapat faedah daripada perbadanan ataupun daripada syarikat korporat tersebut. Manakala dalam pada itu pula kita lihat peruntukan telah diberi kepada syarikat-syarikat awam bumiputera, sepertimana contoh Lembaga Urusan dan Tabung Haji, sepertimana contoh PERNAS sendiri ataupun kita lihat banyak lagi badan-badan bumiputera yang lain seperti Perbadanan Nasional Berhad yang mengendalikan Amanah Saham Nasional.

Yang kita bimbangkan ialah saham-saham yang dibeli dalam syarikat-syarikat yang dimaksudkan tadi. Kita bimbang takut-takut syarikat-syarikat yang berkenaan sebenarnya kaya dari segi kertas sahaja tetapi tidak kaya dari segi perniagaan yang diharapkan. Sebab itulah dalam setahun dua kita dengar syarikat-syarikat yang dimaksudkan ini mencapai keuntungan tetapi kemudian hari pula, setahun dua pula kita dapati

syarikat berkenaan tidak mendapat keuntungan, langsung tidak ada dividen. Maka sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, Akta Perindustrian Sekuriti 1983 diharapkan boleh memperkukuhkan lagi industri sekuriti bagi membawa keyakinan semua pihak sama ada dalam negeri ataupun di luar negeri terhadap perniagaan korporat di negara kita, kerana sistem perniagaan korporat di negara-negara membangun sekarang ini termasuk Malaysia sedang mendapat perhatian, lebih-lebih lagi kita adalah sebuah negara yang mempunyai banyak bahan mentah di mana komoditi-komoditi kita yang dijualankan oleh beberapa syarikat yang besar-besar berhasrat untuk disenaraikan dan kita percaya dengan cara pengendalian yang baru di bawah pindaan Akta yang dicadangkan ini, insya Allah, kita harap ianya dapat melindungi bukan sahaja kepentingan pelabur-pelabur, tetapi juga kepentingan iklim perkembangan ekonomi negara kita supaya ianya tidak lagi menjadi heboh ataupun diambil kesempatan oleh golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja pandangan ringkas dan saya turut menyokong Akta ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas. Daripada "Pasar" kita pergi ke "Bukit". Sila, Yang Berhormat.

5.55 ptg.

**Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Kerajaan oleh kerana dapat membentangkan Rang Undang-undang ini di dalam Dewan yang mulia pada petang ini.

Pembentangan Rang Undang-undang ini merupakan satu langkah

yang positif, dinamik dan "far-sighted", dengan izin, yang diambil oleh Kerajaan untuk mengubah imej dan kedudukan perindustrian sekuriti di negara ini. Perubahan imej dan kedudukan perindustrian sekuriti di negara ini melalui kemasukan konsep perbadanan atau korporatisasian adalah perlu untuk memperkuatkan lagi perindustrian sekuriti di negara ini. Langkah untuk memperkuatkan serta memperkukuhkan perindustrian sekuriti adalah wajib memandangkan kejatuhan Pan-Electric industri pada bulan Disember lalu yang menunjukkan beberapa kelemahan dalam perindustrian sekuriti negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini ada beberapa broker saham antarabangsa yang tidak mempunyai hubungan perdagangan secara langsung dengan broker saham tempatan kita oleh kerana pendedahan broker saham kita kepada perindustrian sekuriti negara lain adalah terhad. Oleh kerana itu broker saham antarabangsa apabila hendak berniaga di perindustrian sekuriti kita terpaksa menggunakan broker saham daripada negeri jiran iaitu Singapura. Amalan ini tentu tidak akan memberi faedah sepenuhnya kepada perindustrian sekuriti kita dari segi faedah kewangan, profesionalisme dan pendedahan yang sepenuhnya yang kita ingini untuk memperkuatkan dan melicinkan perjalanan pasaran saham kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap dengan adanya pindaan ini profesionalisme di dalam perindustri sekuriti kita, profesionalisme di kalangan broker-broker saham kita dapat dipertingkatkan lagi supaya mutu perdagangan yang dilaksanakan di antara broker-broker ataupun di pasaran saham kita dapat dipertingkatkan. Kecekapan dan profesionalisme di kalangan orang-orang yang terlibat dalam perindustrian sekuriti adalah amat

penting supaya kepercayaan dan keyakinan orang ramai bukan sahaja di negara ini tetapi di luar negeri terhadap perindustrian sekuriti kita dapat kita kembalikan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diramalkan bahawa perindustrian sekuriti antarabangsa akan membangun dengan pesatnya dan akan memainkan peranan yang amat penting di dunia ini menjelang abad kedua puluhan. Walaupun perindustrian sekuriti kita masih kecil dan masih membangun, namun kita perlu mengambil langkah dari masa ke semasa supaya perindustrian sekuriti kita tidak terlalu ketinggalan oleh perindustrian sekuriti di negara-negara lain di dunia ini. Jika kita ingin supaya Kuala Lumpur khususnya dan negara kita amnya menjadi satu pusat ataupun satu negara perdagangan dan kewangan antarabangsa yang terkenal bukan sahaja di rantau ini tetapi di dunia, eloklah bagi kita untuk memperkemaskinikan serta memprofesionalisasikan perindustrian sekuriti kita.

Tuan Yang di-Pertua, Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE) dan Bursa Saham Singapura (Stock Exchange of Singapore), dengan izin, mempunyai hubungan yang istimewa di mana syarikat-syarikat yang telah pun didaftarkan di Bursa Saham Kuala Lumpur dengan secara automatik didaftar pula di Bursa Saham Singapura. Pendaftaran automatik ini adalah kurang sihat oleh kerana broker saham di Singapura adalah lebih aktif tambahan lagi perhubungan mereka dengan broker saham antarabangsa yang erat akan mendorong mereka menjadi speculators semata-mata, dengan izin. Memandangkan kemudahan kewangan adalah mudah didapati oleh pengadu-pengadu di Singapura untuk spekulasi, ini tentu akan mendedahkan perindustrian sekuriti kita kepada penyelewengan broker-broker di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu saya mencadangkan kepada Kerajaan ataupun Kementerian supaya hubungan istimewa ini diputuskan supaya KLSE dapat dilindungi daripada manipulasi pasaran dan daripada broker-broker asing yang tidak bertanggungjawab yang datang ke negara kita hanya semata-mata untuk manipulasi pasaran saham kita dan keluar ke negara mereka. Saya juga mencadangkan supaya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Perindustrian Sekuriti, 1983 diperketatkan lagi supaya sindiket-sindiket yang sengaja menipu-daya, dengan izin, rig harga saham di Kuala Lumpur Stock Exchange dikawal dan mereka yang didapati bersalah harus dihukum mengikut peruntukan-peruntukan yang telah pun ditetapkan di bawah undang-undang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, apabila perdagangan perniagaan Kuala Lumpur Stock Exchange dan Bursa Saham Singapura digantung beberapa hari dalam bulan Disember yang lalu oleh kerana kejatuhan Pan-El pegawai-pegawai Bursa Saham Thailand (SET), telah meminta Menteri Kewangan Thailand untuk menghapuskan, dengan izin, capital gains tax di negara itu untuk menarik pelaburan asing daripada Malaysia ke Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, itu sebabnya kita perlu melindungi bursa saham kita supaya pelabur-pelabur asing tetap melaburkan wang mereka di negara ini. Ujian sama ada sistem kewangan sesebuah negara itu sihat atau tidak, adalah bergantung kepada kesihatan perindustrian sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun baik, komprehensif dan ketatnya sesebuah undang-undang, jikalau perlaksanaannya tidak dibuat dengan cekap, undang-undang itu tidak akan memberi kesan yang kita hasratkan. Oleh itu harapan kita

ialah supaya sepintas lalu Rang Undang-undang (Pindaan) ini merupakan satu Rang Undang-undang yang komprehensif yang dapat memperbaiki pentadbiran Akta ini dan juga untuk menghapuskan, jikalau ada kelemahan-kelemahan di dalam Akta yang ada sekarang dan juga mempermudah penguatkuasaan. Kita berharap supaya pelaksanaan semua peruntukan-peruntukan undang-undang ini dilaksanakan dengan baik supaya keyakinan orang ramai terhadap perindustrian sekuriti kita dapat kita kembalikan supaya ini dapat memainkan satu peranan yang baik dan positif dalam memperkukuhkan kedudukan sistem kewangan dan ekonomi kita. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Sandakan.

6.05 ptg.

**Tuan Fung Ket Weng (Sandakan):** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1983, apabila Akta Perindustrian Sekuriti dibentangkan di Dewan ini untuk dibahaskan, Rang Undang-undang tersebut diluluskan dengan tergesa-gesa dan diluluskan sebelum jam 11.30 malam disebabkan kesuntukan masa. Ini, selepas tiga tahun, Kerajaan datang sekali lagi ke Dewan ini dan mengemukakan cadangan-cadangan untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti, 1983. Sejak Akta tersebut diluluskan dalam tahun 1983, pasaran pertukaran saham dilanda ribut, seperti isu Pan-El yang menyebabkan penutupan pasaran saham selama tiga hari yang menjejaskan dengan seriusnya ekonomi negara serta keyakinan para pelabur asing.

Jawatankuasa Terbitan Modal (JTM) telah ditubuhkan untuk melindungi pemegang-pemegang saham. Tetapi sungguh malangnya, pada masa-masa lampau, JTM ini

telah gagal menjalankan tugas-tugasnya seperti mana yang diharapkan oleh pemegang-pemegang saham kecil. Terdapat sebuah lagi Jawatankuasa Terbitan Modal untuk memainkan peranan yang lebih aktif untuk memastikan kepentingan para pemegang saham kecil dilindungi dalam pasaran pertukaran saham.

Kaedah 17 Seksyen 1 (j), Pasaran Saham Kuala Lumpur menyatakan bahawa jelas representative, dengan izin, tidak dibenar menjalankan apa-apa kegiatan perniagaan khususnya sekiranya ia melibatkan pembelian dan penjualan saham-saham. Apa yang aneh ialah para dealers stock brokers sendiri dikecualikan daripada kaedah ini. Umpamanya dalam tahun 1985, Encik Nik Din seorang pengarah Staff Development Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang disenaraikan juga adalah pengerusi pasaran pertukaran saham. Nampaknya berlaku percanggahan kepentingan antara kedua-dua jawatan yang disandang oleh Encik Nik Din itu. Bagaimanakah beliau boleh menasihati pelanggan-pelanggannya tentang sama ada boleh atau tidak boleh membeli atau menjual saham-saham Staff Development Sdn. Bhd. terutama sekali memandangkan sebagai pengarah, beliau mungkin tahu tentang kedudukan dalam Staff Development Sdn. Bhd. yang mungkin teguh atau tidak. Ini boleh menyebabkan insider trading atau menyebabkan beliau memberi nasihat atau maklumat yang tidak tepat untuk menjaga kedudukan atau kepentingannya.

Seperti juga dengan Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib yang menjadi pengerusi Malaysia Building Society Bhd. Bagaimanakah beliau boleh bersikap tidak berat sebelah sekiranya beliau dikehendaki mendakwa MBSB? Hendaklah diadakan satu kaedah atau undang-undang di mana dealers atau stock

brokers dianggap sebagai dealers representative kerana, dealers ini mempunyai peluang-peluang yang lebih untuk mendedahkan diri mereka kepada percanggahan kepentingan. Sekiranya tujuan Kerajaan ialah untuk membersihkan pasaran pertukaran saham serta memperoleh kembali keyakinan pelabur-pelabur asing dan juga tempatan.

Maka terdapat keperluan bagi Kerajaan untuk memperkenalkan satu kod kelakuan di pasaran pertukaran saham untuk menghapuskan amalan-amalan curang, manipulasi, insider-trading dan penyertaan Kerajaan dan pemimpin-pemimpinnya seperti berlaku dalam kes UMBC.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

6.10 ptg.

**Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya):** Tuan Yang di-Pertua, Akta Perindustrian Sekuriti 1983, Rang Undang-undang Pindaan 1986. Penggantungan semua urusan yang belum pernah terjadi di Pasaran Saham Kuala Lumpur pada masa 3 hari bermula 2hb Disember, 1985 berikutan kegagalan Syarikat PAN-EL Berhad di Singapura, bukan sahaja mengakibatkan kejatuhan dan kemerosotan di perindustrian sekuriti. Penggantungan keseluruhannya begitu juga mencerminkan kelemahan Akta Perindustrian Sekuriti 1983 untuk mengelakkan satu malapetaka kewangan sebegini teruk.

Saya bangun menyentuh kelulusan Rang Undang-undang Pindaan ini, bukan saya berpendapat, semua pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini adalah mencukupi untuk mengelakkan suatu kecelakaan kewangan lagi. Tetapi sebab saya merasa pindaan sebegini sudah terlambat dan bertindak hari ini lebih baik daripada ketiadaan tindakan langsung.

Penyambungan semula semua urusan di Pasaran Saham Kuala Lumpur pada 5hb Disember, 1985 menyebabkan satu keruntuhan harga saham yang teruk bernilai berjumlah \$10.8 billion atau satu kejatuhan 15.2% dalam tempoh masa satu hari sahaja.

Sepatutnya Menteri Kewangan, Bank Negara, Jawatankuasa Terbitan Modal dan Jawatankuasa Pasaran Saham Kuala Lumpur bertanggungjawab kehilangan keyakinan pelabur-pelabur yang begini berkesan buruk dan teruk. Kelemahan dan kejatuhan yang berterusan harga saham dan indeks pasaran saham membuktikan pihak-pihak berkuasa dan segala peruntukan-peruntukan Akta Perindustrian Sekuriti tidak berkemampuan mengalihkan balik keyakinan pelaburan di Pasaran Saham Kuala Lumpur.

Nilai modal semua saham di Pasaran Saham Kuala Lumpur sebanyak \$70.866 billion pada 31hb Oktober, 1985 sebelum peristiwa PAN-EL terjun jatuh kepada paras \$51.256 billion sahaja pada Mei, 1986. Satu kerugian bernilai \$29.610 billion atau satu kadar 41.8%. Dan Indeks Perindustrian Kuala Lumpur Stock Exchange, dengan izin, pula jatuh daripada \$477.98 kepada \$300.0465 atau kadar 36.3% dan Indeks Kewangan Kuala Lumpur Stock Exchange, dengan izin, bersama jatuh daripada \$1,453.56 kepada \$967.31 atau kadar 33.45%.

Tetapi kadar-kadar kejatuhan ini tidak mencerminkan kejatuhan teruk harga-harga saham individu.

Pada tahun 1985 sehingga 17hb Oktober, 1986 harga saham Raleigh Berhad jatuh daripada \$4.64 kepada \$1.46 satu saham sahaja. P.E.G.I.

Berhad daripada \$1.54 sen kepada 38.5 sen sahaja. Roxy Electric daripada \$6.80 kepada \$1.53 dan Multi-Purpose Holdings Berhad daripada \$1.26 kepada 35.5 sen sahaja. Harga saham Promet runtuh daripada \$1.98 kepada 28 sen dan sekarang Syarikat Promet ini pun sudah mengalami muflis.

Diingati pada suatu ketika pada tahun 1981 harga saham Promet mencapai \$11.10 sen dan pada masa itu seorang Pengarah Promet dilaporkan menderma satu juta saham kepada UMNO. Syarikat PAN-EL pula sebelum kegagalan dan muflisnya diurusniagakan antara harga \$3.82 dan \$1.62 sen.

Kejatuhan besar-besaran nilai Pasaran Saham, indeks stok dan harga stok individu bukan sahaja mencerminkan kelemahan harga komoditi atau kemelesetan ekonomi kita. Sewajarnya kejatuhan teruk ini bermakna kehilangan penuh kepercayaan dan keyakinan pada kemampuan dan kesanggupan Akta Perindustrian Sekuriti untuk mengawal pasaran dan urusniaga saham secara adil, bertertib dan teratur. Sekarang kemerosotan nilai semua saham pula akan melanjutkan dan memanjangkan kelembapan ekonomi kita. Sebab kerugian nilai saham memastikan kekurangan semua pelaburan dan perbelanjaan oleh pemilik saham.

Tetapi, pindaan ini iaitu tahun 1986 akan dengan lebih sedikit memulangkan peranan sewajibnya kepada Pasaran Saham Kuala Lumpur supaya dia bukan dianggap sebagai satu casino dengan izin, casino berjudi tetapi dia akan dijadikan sebagai satu saluran, satu media yang membolehkan semua pengusaha-pengusaha perindustrian mendapat wang modal untuk membangun dan memperbesarkan semua sektor perusahaan, dan juga menolong membaik pulih ekonomi negara kita.

Tetapi mampuakah, bolehkah pindaan ini mengelakkan skandal-skandal raksaksa yang rakyat kita sudah menyaksikan pada beberapa tahun yang baru lalu.

Skandal Syarikat PAN-EL tidak akan menjadi begitu teruk jika Lembaga Pengarahnya dan pemilik-pemilik besarnya bersikap jujur dan ikhlas atas urusniaga saham mereka.

Tetapi saksikanlah kita dengan izin, market rigging, short selling, forward buying dan urusniaga Cotenggo, dengan izin, memperalatkan maklumat insider dan privilege, juga berpakatan dan berkongsi dengan broker-broker saham yang kekurangan ethic dan moral, dengan izin, bertujuan memperdayakan lain-lain pelabur saham untuk kepentingan dan keuntungan diri sendiri sahaja.

Ahli Parlimen dari Gopeng sesudahlah dia mengalami kehilangan semua pennynya dan dengan senang hati sekarang menjadi tetamu khas Kerajaan Singapura di Penjara Changi atas kesalahan berpakat pecah amanah, berurusniaga dan berjudi dengan wang syarikat Pan-El, mengakibatkan hutang-piutang Pan-El sebanyak \$400 juta tetapi perbuatan salahnya telah melandakan segala pelabur minority Pan-El dengan kerugian semua wang jimat cermat dan dengan kesulitan makan dan tidur. Mereka telah terpedaya oleh Ahli Kepong yang pada 23hb Mei, 1986 sebelum dia jadi tetamu khas Singapura adalah dilapor mengatakan, dengan izin, "I can hardly imagine that the Board of Multi Purpose Holdings Bhd. would ever indulge in useless investment in Pan-El".

Perkara keruntuhan keuntungan dan nasib Multi-Purpose Holdings Sdn. Bhd. pula boleh dielakkan juga jika pihak berkuasa dan pihak pengawal perindustrian sekuriti berwaspada, bercekap dan berupaya, mengapa—mengapa kelulusan diberi

pada tahun 1983 supaya Multi-Purpose Holdings Bhd. membeli satu syarikat perkapalan tidak berprestasi baik iaitu Promptship Holdings daripada Hong Kong dengan pembayaran \$70 juta. Malangnya pula dilandakan dengan kerugian sebanyak \$147 juta, dua tahun kemudian pada tahun 1985. Lembaga Pengarah Multi-Purpose Holdings Bhd. mengelirukan pemilik sahamnya dengan laporan pertengahan tahun 1985 apabila mereka memperuntukkan sebanyak \$5.6 juta sahaja sebagai kerugian ramalan dan mereka juga meramal dalam laporan bersama bahawa, dengan izin, "The group's performance is expected to show moderate improvement in the current year." Malangnya hakikat pada tujuh bulan selepas itu adalah kerugian \$192 juta untuk tahun 1985.

Perbuatan ramalan dan tindakan Pengarah Multi-Purpose Holdings Bhd. setakat hari ini tidak dipersoal oleh pihak berkuasa tetapi 310,000 pemilik sahamnya, dengan izin "direct and indirect shareholders' syarikat MCA ini sekarang menanggung kerugian besar dan juga harga saham mereka sudah jatuh dari paras \$4.92 kepada 35½ sen pada seketika.

Kes PROMET berbeza sedikit. Selepas Pengarah PROMET mendermakan satu juta saham kepada UMNO pada hujung tahun 1981, syarikat PROMET bermula bergiat cergas dengan naungan politik dan dengan spekulasi atas pengambilan dan pembelian hak carigali minyak di merata tempat dan juga bercadang besar-besaran membangun hotel mewah dan kemudahan pelancongan di Pulau Langkawi tanpa persoalan pihak berkuasa. Adakah kegiatan dan cadangan sebegini akan berfaedah pemilik minoriti. Pengarah PROMET hanya mementingkan kemeningkatan harga saham sahaja walaupun kemeningkatan ini tidak berasas sebab

cadangan pelaburan syarikat hanya spekulatif. Nasib PROMET hari ini jelas dengan kegagalan dan muflisnya dan pemilik saham minoritinya diperdaya juga dan dialami kerugian besar.

Jawatankuasa Terbitan Modal iaitu CIC, Bank Negara, Menteri Kewangan dan Jawatankuasa Kuala Lumpur Stock Exchange, dengan izin, sewajibnya menerangkan semua perkara urusaniaga dan pertukaran pemilikan saham UMBC (United Malayan Banking Corporation), dengan izin.

Pada mulanya tahun 1984, Multi-Purpose Holdings Bhd. menjual 41% pemilikannya UMBC kepada Ahli Yang Berhormat dari Merbok dan juga Menteri Kewangan melalui syarikatnya Daan Sdn. Bhd. dan Dani Sdn. Bhd. Kemudian pada tahun 1985 dilaporkan PERNAS iaitu satu pemilik besar juga menolak haknya membeli saham hak dengan harga \$4.50 satu saham. Dan hak dan peluang ini terpulang pula kepada Daan dan Dani yang selepas itu beli saham berkenaan dan menjadi pemilik majoriti dengan 51% pemilikan. Dan hari ini sekarang 1986 tahun ini dilaporkan pula PERNAS akan membeli balik saham yang ianya menolak pada tahun 1985 dan dengan harga berlebihan \$27 juta. Dan PERNAS juga akan membeli semua pemilikan 51% saham UMBC itu daripada Daan dan Dani dengan pembayaran sebanyak antara \$350 hingga \$400 juta, maka menghasilkan kepada Daan dan Dani sekurang-kurangnya laba setinggi antara \$100 hingga \$120 juta dalam tempoh masa singkat, dua tahun sahaja.

Penguatkuasaan semua peruntukan undang-undang dalam Akta Perindustrian Sekuriti Tahun 1983, Akta Banking 1973 dan Akta Syarikat Tahun 1965 telah diketepikan dalam perkara urusaniaga dan pertukaran

pemilikan saham UMBC supaya berfaedah satu orang dan syarikat-syarikatnya sahaja.

Satu syarikat yang disenaraikan di Pasaran Saham Kuala Lumpur yang terlalu membengkokkan peraturan dan peruntukan Akta Perindustrian Sekuriti adalah Raleigh Bhd. Pada bulan November 1985 Raleigh mengumumkan keputusan mengambil alih 20% ekuiti dalam Syarikat UMBC mengakibatkan harapan pelaburnya dan juga harga saham terus meningkat, tetapi keduanya terjun lagi pada bulan September, 1986 apabila Lembaga Pengarah Raleigh memutuskan berundur daripada pembelian itu. Maka dengan pembatalan pembelian oleh Raleigh, harga saham Raleigh terus turun daripada \$4.64 kepada paras \$1.46 disebabkan pengumuman terdahulu tidak sungguh-sungguh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Dr Eng Seng Chai:** Lebih kurang 15 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, duduk sekejap! Saya akan memberi kepada Yang Berhormat 5 minit lagi pada hari esok. Selepas itu, saya akan menjemput Timbalan Menteri untuk menjawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*